

ADAB HAMALAH AL-QURAN

ادب حمالة القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

Mohd. Sharoni bin Ismail
Muhammad Safwan bin Abdullah
Nor Aisah binti Abu Samah



MODUL
Interaktif

ADAB HAMALAH AL-QURAN

ادب حمالة القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

Penulis :

Mohd Sharoni bin Ismail
Muhammad Safwan bin Abdullah
Nor Aisah binti Abu Samah

ADAB HAMALAH AL-QURAN

ادب حمالة القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

HAK CIPTA

Tiada bahagian daripada terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terlebih dahulu.

Buku Adab Hamalah Al-Quran

Ketua penulis : Mohd Sharoni bin Ismail
Penulis : Muhammad Safwan bin Abdullah
: Nor Aisah binti Abu Samah
Editor dan pereka letak : Ainoor Mahfuzah binti Ahmad


No eISBN : 978-967-0032-29-0

Terbitan pertama 2022

Diterbitkan oleh:

UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan,
Seksyen U1
40150 Shah Alam
Selangor
Telephone No. : +603 5163 4000
Fax No. : +603 5569 1903



ADAB HAMALAH AL-QURAN

ادب حمالة القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda. Hanya kepada Allah SWT kami panjatkan kesyukuran di atas penerbitan Buku Adab Hamalah Al-Quran yang diubahsuai dari Kitab Attibyan karangan Almarhum Imam Nawawi untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-Politeknik (PSA).

Buku ini mengupas perkara-perkara yang sangat penting diketahui oleh setiap muslim khususnya buat pelajar tahfiz kerana ia membicarakan tentang adab berinteraksi dengan kitab suci al-Quran. Secara umumnya, buku ini mengandungi sembilan bab utama iaitu keutamaan dan kelebihan membaca dan mengkaji al-Quran, menghormati dan memuliakan golongan al-Quran, panduan mengajar dan belajar al-Quran, panduan menghafaz al-Quran, adab dan etika membaca al-quran, adab berinteraksi dengan al-Quran, ayat dan surah yang diutamakan membacanya pada waktu-waktu tertentu serta riwayat penulisan mushaf al-Quran .

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang memberi sumbangan secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini. Diharapkan usaha ini memberi manfaat kepada pembaca sekaligus melancarkan lagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tahfiz PSA agar bertepatan dengan proforma yang telah ditetapkan oleh Darul Quran JAKIM serta selari dengan ketetapan akademik Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi. Semoga usaha murni ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

ADAB HAMALAH AL-QURAN

ادب حمالة القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

PENULIS

Ketua Penulis



Haji Mohd Sharoni Bin Ismail berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Akademik Islam, Universiti Malaya, Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran) Universiti Teknologi Malaysia, dan Sijil Undang Undang Islam (CIL) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan selama 6 tahun dan bertugas sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi selama 25 tahun.

Kini beliau bertugas sebagai **Pensyarah Utama** di Jabatan Pengajian Am dan merupakan salah seorang **pensyarah Program Techno Huffaz** Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Penulis



Muhammad Safwan bin Abdullah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan juga Diploma Pendidikan dari universiti yang sama.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di sekolah menengah agama JAIS di Selangor selama 5 tahun dan selepas itu bertugas sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di Politeknik selama 17 tahun sehingga sekarang.

Kini menjawat jawatan sebagai **Ketua Kursus Pendidikan Islam** di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Pernah terlibat **membangunkan kurikulum tahfiz** di peringkat awal penubuhan program tahfiz ini di Politeknik semenjak tahun 2017.

Penulis

Nor Aisah binti Abu Samah berkelulusan Diploma Tahfiz al-Quran dan Al-Qiraat (Darul Quran JAKIM) dan Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia selama 12 tahun.

Kini, beliau bertugas sebagai **Pensyarah Kanan** di Jabatan Pengajian Am dan **merupakan pensyarah Program Techno Huffaz** Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



ADAB HAMALAH AL-QURAN

ادب حمالة القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

KANDUNGAN

Pengenalan Kursus	I
Riwayat Imam Nawawi	II
BAB 1: KEUTAMAAN MEMBACA DAN MENGAJI AL-QURAN	01
BAB 2: KELEBIHAN ORANG YANG MEMBACA AL-QURAN	05
BAB 3: MENGHORMATI DAN MEMULIAKAN GOLONGAN AL-QURAN	06
BAB 4: PANDUAN MENGAJAR DAN BELAJAR AL-QURAN	08
BAB 5: PERATURAN MENGHAFAZ AL-QURAN	14
BAB 6: ADAB DAN ETIKA MEMBACA AL-QURAN	16
BAB 7: ADAB BERINTERAKSI DENGAN AL-QURAN	39
BAB 8: AYAT DAN SURAH YANG DIGALAKKAN MEMBACANYA PADA WAKTU TERTENTU	43
BAB 9: RIWAYAT PENULISAN MUSHAF AL-QURAN	45
AKTIVITI PENGUKUHAN	53
RUJUKAN	54




I

PENGENALAN KURSUS

STPO 2113
ADAB HAMALAH AL-QURAN

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang adab-adab seorang pelajar terhadap kandungan al-Quran dan kedudukan serta peranan mereka dalam masyarakat berdasarkan al-Quran dan Sunnah.





MENGENALI IMAM NAWAWI

Nama Penuh

Abu Zakariya bin Syaraf bin Mari bin Hasan bin Husain bin Muhammad bin Jum'ah bin Hizam An-Nawawi Ad-Dimasyqi. Diberi gelaran Al-Imam, Al-Hafiz, Al-Faqih dan Al-Muhaddith.

Guru

1. Al-Kamal Ishaq bin Ahmad
2. Abdul Aziz bin Muhammad Al-Ashari
3. Zainuddin bin AbdudDaim
4. Imaduddin bin Abdul Karim Al-Harastani,
5. Zainuddin Abul Baqa
6. Khalid bin Yusuf Al- Maqdisi
7. Jamaluddin Ibn Ash-Shairafi
8. Taqiyyuddin bin Abul Yusri
9. Syamsuddin bin Abu Umar
10. Asy- Syekh Al-Muhaqqiq Abu Ishaq
11. 3. Syamsuddin Abdurrahman bin Nuh
12. Izzuddin Al-Arbili serta guru-guru lainnya

Kitab

1. Syarah Muslim, Al-Irsyad dan At-Taqrir berkenaan dengan segi-segi umum hadits,
2. Tahdzibul Asmaa'wal Lughaat
3. Al-Manaasik Ah-Shughra dan Al-Kubra
4. Minhajut Taalibin
5. Bustaanul 'Arifiin
6. Khulaasahtul Ahkaam fi Muhimmaaatis
7. Sunan wa Qawaa'idil Islam
8. Raudhatut Taalibiin fii 'Umdatil Muftiin
9. Hulyatul Abrar wa Syi'aarul Akhyaar fii Talkhiishid Da'awaat walAdzkaar yang lebih dikenal dengan nama Al-Adzkaar lin Nawawi dan At-Tibyaan fiiAadaabi Hamalatil Quran

Lahir

- Dilahirkan pada 631H di Desa Nawa, Wilayah Hauran

Peribadi

Menghafaz Al-Quran ketika mendekati usia baligh.

Menuntut ilmu di Madrasah Ar-Rawahiyah ketika berusia 9 tahun pada 649H.

- Penguasaan ilmu yang luas
- Ketekunan yang mengagumkan
- Hidup warak dan zuhud
- sabar dalam kesederhanaan hidupnya.
- Bersedekah dari hartanya yang tidak berlebihan.
- Manfaatkan waktu malam untuk beribadah
- Menulis kitab-kitab agama
- Berbuat ma'ruf dan mencegah kemungkaran.

Wafat

- Rabu 24 Rejab tahun 676H dan dimakamkan di Nawa.

ANTARA MURID IMAM NAWAWI:

1. Al-Katib Shadrudin Sulaiman Al-Ja'fari
2. Syihabuddin Al-Arbadi
3. Shihabuddin bin Ja'Waan
4. 'Alaudin Al-Athaar dan yang meriwayatkan hadits darinya Ibnu Abil Fath, Al-Mazi dan lainnya.

IMAM NAWAWI PELAJARI 12 KITAB SETIAP HARI

- ☐ Al-Wasiith
- ☐ Al-Muhadzdzab oleh Asy- Syirazi
- ☐ Al-Jam'ubaina Ash-Shahihain
oleh Al-Humaidi
- ☐ Usuluddin
- ☐ Sahih Muslim
- ☐ Al-Luma' oleh Ibnu Jana
- ☐ IshaahulMantiq oleh Ibnu
Sikkit
- ☐ Tasrif
- ☐ Usul Fiqh
- ☐ Nama-nama Perawi Hadis

BAB 1

KEUTAMAAN MEMBACA DAN MENGKAJI AL-QURAN





01

KEUTAMAAN MEMBACA DAN MENGAJAL AL-QURAN

ADAB
HAMALAH
AL-QURAN
ادب حمالة القرآن
TEGANO HUFFAZ PSA

1.1 PENGERTIAN

MEMBACA dalam Kamus Dewan Edisi Keempat ialah **mengucapkan apa yang tertulis atau tercetak pada buku, papan tanda dan sebagainya secara lisan (dgn kuat).**

Manakala MENGAJAL bermaksud **menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau terperinci (supaya benar-benar mengetahui sesuatu, supaya dapat membuat keputusan dll) di dalam al-Quran.**

1.2 DALIL QURAN DAN HADIS

Allah 'Azza wa Jalla berfirman dalam Surah Faatir ayat 29 :

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا
رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تَجَرَّةً لَّنْ تَبُورَ ۝٢٩

Maksud: "Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah swt dan mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian daripada rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugi."

Dari Usman bin Affan ra, katanya Rasulullah S.A.W. bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksud: "Sebaik-baik kamu ialah orang yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya.

(Riwayat Al-Bukhari)



1.3 DUA KATEGORI PEMBACA AL-QURAN

Diriwayatkan daripada Aisyah ra, katanya: Rasulullah S.A.W. bersabda:

الذي يقرأ القرآن وهو ماهرٌ به مع السفرة الكرام
البررة، والذي يقرأ القرآن ويتتعتع فيه
وهو عليه شاقٌّ له أجران

Maksud:

"Orang yang membaca Al-Quran sedangkan dia mahir melakukannya, kelak mendapat tempat di dalam Syurga bersama-sama dengan rasul-rasul yang mulia lagi baik. Sedangkan orang yang membaca Al-Quran, tetapi dia tidak mahir, membacanya tertegun-tergun dan nampak agak berat lidahnya (belum lancar), dia akan mendapat dua pahala."

(Riwayat Bukhari & Muslim)

Diriwayatkan daripada Abu Musa Al-Asy'aru ra, katanya: Rasulullah S.A.W. bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ، مَثَلُ الْأَثْرَجَةِ،
رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا طَيِّبٌ،
وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ الثَّمَرَةِ، لَا رِيحَ لَهَا وَطَعْمُهَا حُلْوٌ،
وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ، مَثَلُ الرِّيحَانَةِ، رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ،
وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ، كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ،
لَيْسَ لَهَا رِيحٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ.

Maksud:

"Perumpamaan orang mukmin yang membaca Al-Quran adalah seperti buah Utrujjah yang baunya harum dan rasanya enak. Perumpamaan orang mukmin yang tidak membaca Al-Quran seperti buah kurma yang tidak berbau sedang rasanya enak dan manis.

Perumpamaan orang munafik yang membaca Al-Quran adalah seperti raihanah yang baunya harum sedang rasanya pahit. Dan perumpamaan orang munafik yang tidak membaca Al-Quran adalah seperti hanzhalah yang tidak berbau sedang rasanya pahit."

(Riwayat Bukhari & Muslim)



1.4 AL-QURAN PEMBERI SYAFAAT

Diriwayatkan daripada Abu Umamah ra, katanya: Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda:

اقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Maksud: "Bacalah Al-Quran kerana dia akan datang pada hari Kiamat sebagai Pemberi syafaat bagi pembacanya."

(Riwayat Muslim)

1.5 DUA JENIS IRI HATI YANG DIBENARKAN

Diriwayatkan dari pada Ibnu Umar ra, daripada Nabi S.A.W. Baginda Bersabda:

لَا حَسَدَ إِلَّا فِي اثْنَتَيْنِ:
رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْقُرْآنَ فَهُوَ يَتْلُوهُ آتَاءَ اللَّيْلِ وَآتَاءَ النَّهَارِ،
وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَهُوَ يُنْفِقُهُ آتَاءَ اللَّيْلِ وَآتَاءَ النَّهَارِ

Maksud: "Tidak boleh iri hati, kecuali kepada dua seperti orang: iaitu orang lelaki yang diberi Allah swt pengetahuan tentang Al-Quran dan diamalkannya sepanjang malam dan siang; dan orang lelaki yang dianugerahi Allah swt harta, kemudian dia menafkahkanya sepanjang malam dan siang."

(Riwayat Bukhari & Muslim)

1.6 KELEBIHAN PENGKAJI AL-QURAN

Diriwayatkan daripada Abu Said Al-Khudri ra daripada Nabi S.A.W. Baginda bersabda

مَنْ شَغَلَهُ الْقُرْآنُ وَذَكَرَنِي عَنْ مَسْأَلَتِي، أُعْطِيَتْهُ أَفْضَلُ
مَا أُعْطِيَ السَّائِلِينَ،
وَفَضْلُ كَلَامِ اللَّهِ عَلَى سَائِرِ الْكَلَامِ فَضْلُ اللَّهِ عَلَى خَلْقِهِ

Maksud: "Barangsiapa disibukkan dengan mengkaji Al-Quran dan menyebut nama-Ku, sehingga tidak sempat meminta kepada-KU, maka Aku berikan kepadanya sebaik-baik pemberian yang Aku berikan kepada orang-orang yang meminta. Dan keutamaan kalam Allah atas perkataan lainnya adalah seperti, keutamaan Allah atas makhluk-Nya." (Riwayat Tirmizi dan katanya hadits hasan)



1.7 KEUTAMAAN PEMBACA AL-QURAN

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Amrin Ibnul Ash ra dari pada Nabi S.A.W. bersabda:

يُقَالُ لِصَاحِبِ الْقُرْآنِ: اقْرَأْ، وَارْقُ، وَرَتِّلْ،
كَمَا كُنْتَ تَرْتِّلُ فِي الدُّنْيَا، فَإِنَّ مَنَزِلَتَكَ عِنْدَ آخِرِ آيَةٍ تَقْرُؤُهَا

Maksud: "Dikatakan kepada pembaca Al-Qur'an, bacalah dan naiklah serta bacalah dengan tartil seperti engkau membacanya di dunia kerana kedudukanmu adalah pada akhir ayat yang engkau baca." (Riwayat Abu Dawud, Tirmidzi dan Nasa'i, Tirmidzi berkata, hadits hasan sahih)

Diriwayatkan dari Mu'adz bin Anas ra bahwa Rasulullah S.A.W. bersabda:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَعَمِلَ بِمَا فِيهِ، أَلْبَسَ وَالِدَاهُ تَاجًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ
ضَوْؤُهُ أَحْسَنُ مِنْ ضَوْءِ الشَّمْسِ فِي بَيْوتِ الدُّنْيَا
لَوْ كَانَتْ فِيكُمْ، فَمَا ظَنُّكُمْ بِالَّذِي عَمِلَ بِهَذَا؟

Maksud: "Barangsiapa membaca Al-Quran dan mengamalkan isinya, Allah memakaikan pada kedua orang tuanya di hari kiamat suatu mahkota yang sinarnya lebih bagus dari pada sinar matahari di rumah-rumah di dunia. Maka bagaimana tanggapanmu terhadap orang yang mengamalkan ini?" (Riwayat Abu Dawud)

Ad-Darimi meriwayatkan dengan isnadnya dari Abdullah bin mas'ud daripada Nabi S.A.W. :

اقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يَعْذِبُ قَلْبًا وَعَى الْقُرْآنَ،
وَإِنْ هَذَا الْقُرْآنَ مَأْدَبَةُ اللَّهِ فَمَنْ دَخَلَ فِيهِ فَهُوَ آمِنٌ،
وَمَنْ أَحَبَّ الْقُرْآنَ فَلْيَبْشِرْ

Maksud: "Bacalah Al-Quran kerana Allah tidak menyiksa hati yang menghayati Al-Quran. Dan sesungguhnya Al-Quran ini adalah jamuan¹ Allah, maka siapa yang masuk di dalamnya, dia pun aman. Dan siapa mencintai Al-Qur'an, maka berilah kabar gembira."

¹Perumpamaan apa yang terdapat dalam al-Quran sebagai makanan untuk akal dan jiwa



BAB 2

KELEBIHAN ORANG YANG MEMBACA AL-QURAN





2.1 BERHAK MENJADI IMAM

Ibnu Mas'ud Al-Anshari Al-Badri ra meriwayatkan dari Nabi S.A.W., sabdanya:

يَوْمُ الْقَوْمِ أَقْرَأُوهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ، فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً،
فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ

Maksud: "Orang yang paling berhak menjadi imam dari suatu kaum adalah orang yang terpandai membaca Kitab Allah diantara mereka. Jika mereka sama taraf dari segi bacaan, maka yang lebih mengetahui tentang sunnah."

(Riwayat Muslim)

2.2 MEMBACA AL-QURAN LEBIH UTAMA

Diriwayatkan dari Ibnu Abbas ra, katanya

وَكَانَ الْقُرَّاءُ أَصْحَابَ مَجْلِسِ عُمر -رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ-
وَمُشَاوَرَتِهِ كُهُولًا كَانُوا أَوْ شَبَانًا

Maksud: "Adalah para pembaca Al-Quran hadir di majlis Umar ra bermusyawarah dengannya, terdiri dari orang tua dan pemuda."


(Riwayat Bukhari adalah sahihnya)

Ingatlah bahwa madzhab yang sahih dan terpilih yang diambilkan para ulama ialah bahwa membaca Al-Quran adalah lebih utama dari membaca Tasbih dan tahlil serta zikir-zikir lainnya. Banyak dalil kuat yang mendukung hal itu,



BAB 3

MENGHORMATI & MEMULIAKAN GOLONGAN AL-QURAN





3.1 PENGERTIAN

Merujuk definisi MENGHORMATI dalam Kamus Dewan Edisi Keempat ialah **memberi hormat kepada seseorang, menerima dan mematuhi (aturan dll), menghargai, menjunjung tinggi, memuliakan.**

Manakala MEMULIAKAN bermaksud **menjunjung tinggi, menghormati.**

3.2 DALIL AL-QURAN

Allah Azza wa Jalla telah berfirman dalam Surah Al-Hajj: ayat 32:

ذَٰلِكَ وَمَنْ يُعْظِمِ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾

"Dan barangsiapa mengagungkan syiar-syar Allah, maka sesungguhnya itu timbul dari ketaqwaan hati."

Allah berfirman dalam Surah Al-Hajj ayat 30 :

ذَٰلِكَ وَمَنْ يُعْظِمِ حُرْمَتِ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ ۖ

"Demikianlah (perintah Allah). Dan barangsiapa mengagungkan apa-apa yang terhormat di sisi Allah maka itu adalah lebih baik baginya di sisi Tuhannya."

Allah berfirman dalam Surah As-Syu'araa' ayat 215 :


وَاخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢١٥﴾

"Dan rendahkanlah dirimu terhadap orang-orang yang mengikutimu, yaitu orang-orang yang beriman (mukmin)."

Allah berfirman dalam Surah Al-Azhab ayat 58:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ
مَا اكْتَسَبُوا فَقَدْ احْتَمَلُوا بُهْتَنًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٨﴾

"Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang mukmin dan mukminat tanpa kesalahan yang mereka perbuat, maka sesungguhnya mereka telah memikul kebohongan dan dosa yang nyata."



3.3 DALIL HADIS

Diriwayatkan dari Abu Musa Al-Asy'ari ra, katanya: Rasulullah S.A.W. bersabda:

إن من إجلال الله تعالى إكرام ذي الشيبة المسلم،
وحامل القرآن غير الغالي فيه والجافي عنه،
 وإكرام ذي السلطان المقسط

Maksud:

"Sesungguhnya termasuk menggagungkan Allah swt adalah memuliakan orang tua yang muslim dan pengkaji Al-Quran yang tidak melampau batas dan tidak menyimpang dari padanya serta memuliakan penguasa yang adil."

(Riwayat Abu Dawud dan ia hadits hasan)

Diriwayatkan dari Jabir Bin Abdillah ra

أن النبي - صلى الله عليه وسلم - كان يجمع بين الرجلين من
قتلي أحد ثم يقول: أيهما أكثر أخذًا للقرآن؟
فإن أشير إلى أحدهما قدمه في اللحد

Maksud:

"Sesungguhnya Nabi saw mengumpulkan antara dua orang korban perang Uhud, kemudian berkata, 'Siapa yang lebih banyak hafaz Al-Quran di antara keduanya, beliau mendahulukannya masuk ke liang lahad.'"

(Riwayat Bukhari)


Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a:

إن الله عز وجل قال: من آذى لي وليا فقد آذنته
بالحرب

Maksud:

"Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla berfirman, 'Siapa yang yang mengganggu wali-Ku, maka Aku telah menyatakan perang kepadanya.'"

(Riwayat Bukhari)



BAB 4

PANDUAN MENGAJAR & BELAJAR AL-QURAN





4.1 PENGERTIAN

Maksud **Belajar Al Quran** : Pembelajaran membaca Al-Quran terdiri dari tiga kata, yakni pembelajaran, membaca, dan al-Qur'an. Ketiga kata tersebut tidak dapat berdiri sendiri melainkan mempunyai hubungan yang erat antara satu dengan yang lainnya.

- Maksud **mengajar Al Quran** : pengajaran al-Quran dimulai dengan cara para guru memperdengarkan bacaan surah-surah pendek dan pelajar mengulangnya beberapa kali bersama guru sehingga terlekat dalam ingatan. Proses ulangan, hafalan dan ingatan ini sangat sesuai lebih-lebih lagi pada peringkat kanak-kanak kerana ia dapat menanam benih ketakwaan dan keikhlasan pada diri mereka (Ibnu Khaldun,2000).

1. HARAP REDHA ALLAH SWT SAHAJA



Pertama yang mesti dilakukan oleh guru dan pembaca adalah mengharapkan keredhaan Allah S.W.T.:

Allah berfirman dalam Surah Al-Bayyinah: ayat 5 :

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Maksud: "Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah swt dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama dengan lurus dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat dan yang demikian itulah agama yang lurus."

Diriwayatkan dalam Shahihain (Bukhari dan Muslim) dari Rasulullah S.A.W.:

إنما الأعمال بالنيات، وإنما لكل امرئ ما نوى

"Sesungguhnya amal-amal itu tergantung pada niatnya dan sesungguhnya setiap orang mendapat apa yang diniatkannya."



Diriwayatkan dari Dzin Nun Rahimahullah, katanya:

Tiga perkara merupakan tanda ikhlas iaitu

1. Tidak terpengaruh oleh pujian dan celaan orang;
2. Lupa melihat di antara amal-amal;
3. Mengharapkan pahala amal-amalnya di akhirat.

Diriwayatkan dari Fudhai bin Iyadh ra, katanya: "Meninggalkan amal untuk orang banyak adalah riyak dan beramal untuk orang banyak adalah syirik, sedangkan ikhlas adalah jika Allah swt membebaskanmu dari keduanya."

2. TIADA TUJUAN KEDUNIAAN



Hendaknya seseorang tidak memiliki tujuan dengan ilmu yang dimilikinya untuk mencapai kesenangan dunia berupa harta, kedudukan, keunggulan, pujian atau ingin mendapatkan perhatian dan lain-lain lagi.

Hendaklah guru tidak mengharapkan dengan pengajarannya itu dia peroleh sesuatu berupa pemberian harta atau pelayanan, meskipun sedikit.

Allah berfirman Surah Asy-Syuura ayat 20:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ ۖ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ
حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ تَصِيبٍ ﴿٢٠﴾

"Barangsiapa yang menghendaki keuntungan di dunia, Kami berikan kepadanya sebagian daripada keuntungan dunia dan tidak ada baginya suatu bagianpun di akhirat."

3. TIADA PAKSAAN UNTUK BELAJAR



Hendaklah dia berwaspada agar tidak memaksa ramai orang belajar kepadanya, dan dia tidak membenci murid-muridnya pula belajar kepada orang lain selain dirinya.

Telah sah riwayat dari Imam Asy-Syafi'i ra bahwa beliau berkata: "Aku berharap kiranya -orang belajar ilmu ini - iaitu ilmu dan kitab-kitabnya - agar kiranya dia tidak menisbahkan kepadaku satu huruf pun daripadanya."



4. MEMILIKI AKHLAK YANG TERPUJI



Pengajar mesti memiliki akhlak yang baik sebagaimana ditetapkan syarak, berkelakuan terpuji seperti zuhud, pemurah, budi pekerti mulia, wajah yang berseri-seri tanpa melampaui batas, penyantun, sabar, bersikap warak, khusyuk, tenang, berwibawa, rendah hati dan tunduk, menghindari tertawa dan tidak banyak bergurau.

Dia mesti selalu mengerjakan amalan-amalan syar'iyah seperti membersihkan kotoran dan rambut yang disuruh menghilangkannya oleh syarak, seperti mencukur kumis dan kuku, menysisir janggut, menghilangkan bau busuk dan menghindari pakaian-pakaian tercela.

Hendaklah dia menjauhi sifat dengki, riyak, sombong dan suka meremehkan orang lain, meskipun tingkatan orang itu di bawahnya dan hendaklah bersandar kepada Allah swt dalam semua urusannya.

5. BERSIKAP LEMAH-LEMBUT DAN IHSAN



Seorang pengajar sudah sepatutnya bersikap lemah-lembut kepada orang yang belajar kepadanya dan menyambutnya serta berbuat baik kepadanya sesuai dengan keadaannya. Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. bersabda:

إن الناس لكم تبع، وإن رجالاتكم من أقطار الأرض يتفقهون في الدين فإذا أتوكم فاستوصوا بهم خيرا

"Orang-orang akan mengikuti kamu dan ada orang-orang yang datang kepada kamu dari berbagai penjuru bumi belajar ilmu agama. Jika mereka datang kepadamu, berwasiatlah kamu kepada mereka dengan baik."

(Riwayat Tirnidzi dan Ibnu Majah dan lainnya)

6. MEMBERI NASIHAT KEPADA MURID



Seorang guru mesti memberikan nasihat kepada muridnya Sebagaimana Rasulullah saw bersabda:

الدين النصيحة، لله ولكتابه ولسوله
ولأئمة المسلمين وعامتهم

"Agama itu nasihat bagi Allah swt, Kitab-Nya, RasulNya, para pemimpin muslimin dan orang awam di antara mereka."

(Riwayat Bukhari & Muslim)



7. TIDAK SOMBONG



Sudah sepatutnya guru tidak menyombongkan diri kepada para pelajar, tetapi bersikap lemah-lembut dan rendah hati terhadap mereka.

8. BERSIKAP LEMAH-LEMBUT



Sudah sepatutnya pelajar dididik secara berangsur-angsur dengan adab-adab yang luhur dan perilaku yang baik serta dilatih dirinya atas perkara-perkara kecil yang terpuji.

9. MENGAJAR FARDHU KIFAYAH



Mengajari para pelajar adalah fardu kifayah. Jika tidak ada orang yang mampu kecuali seorang maka wajiblah ke atasnya.

10. UTAMAKAN PENGAJARAN BERBANDING KEPENTINGAN DIRI



Diutamakan bagi pengajar agar mementingkan pengajaran mereka dengan melebihkannya di atas kemaslahatan dirinya yang bersifat duniawi yang bukan keperluan yang mendesak.

11. DAHULUKAN MURID YANG HADIR AWAL



Jika jumlah mereka banyak, maka dahulukan yang pertama, kemudian yang berikutnya. Jika yang pertama rela gurunya mendahulukan lainnya, maka boleh mendahulukannya



12. TERUSKAN MENGAJAR WALAU NIAT MURID SELAIN ALLAH S.W.T.

Para ulama berkata: *"Janganlah guru menolak mengajari seseorang kerana niatnya tidak benar."*

13. MENJAGA TANGAN DAN PANDANGAN MATA

Guru hendaklah menjaga kedua tangannya ketika mengajar daripada bermain-main dan menjaga kedua matanya dari memandang tanpa keperluan. Hendaklah dia duduk dalam keadaan suci menghadap kiblat, tenang serta berpakaian bersih.

14. PELAJAR PERGI BERJUMPA GURU UNTUK BELAJAR

Tidak diperkenankan merendahkan ilmu dengan pergi ke tempat yang dihuni pelajar untuk belajar daripadanya.

15. RUANG KELAS YANG LUAS

Hendaklah dia mempunyai majlis atau ruang kelas yang luas supaya murid-murid boleh duduk di situ.

16. ADAB PELAJAR DAN PENUNTUT ILMU

Hendaklah dia membersihkan hatinya dari kotoran dosa supaya boleh menerima Al-Quran, menghafal dan memanfaatkannya. Hendaklah pelajar bersikap merendah hati terhadap gurunya dan sopan kepadanya, meskipun lebih muda, kurang terkenal dan lebih rendah nasab dan keturunannya dari pada dia.



17. BELAJAR DARI ORANG YANG LENGKAP KEAHLIANNYA



Janganlah dia belajar kecuali dari orang yang lengkap keahliannya, menonjol keagamaanya, nyata pengetahuannya dan terkenal kebersihan dirinya. Pelajar mesti memuliakan gurunya kerana hal itu lebih dekat untuk mendapat manfaat daripadanya.

18. ADAB MASUK MAJLIS ILMU



Hendaklah pelajar masuk ke majlis gurunya dalam keadaan bersuci dengan hati yang bersih. Janganlah dia masuk sebelum minta keizinan, memberi salam kepada para hadirin ketika masuk dan mengkhususkan gurunya, hendaklah dia duduk di mana tempat majlis berakhir.

19. ADAB BERSAMA ORANG YANG HADIR DALAM MAJLIS



Hendaklah dia menunjukkan sikap sopan terhadap guru, duduk dihadapan guru sebagai seorang pelajar. Janganlah dia menguatkan suaranya, tertawa dan bercakap tanpa keperluan, serta jangan bermain-main dengan tangannya

20. BELAJAR KETIKA GURU DALAM KEADAAN SEMPURNA



Tidak belajar kepada guru dalam keadaan hati guru sedang sibuk dilanda kesedihan, kegelisahan dan hal-hal lain yang dapat menghalangi guru untuk dapat mengajar dengan baik dan serius.

21. TEKUN MENUNTUT ILMU



Tekun menuntut ilmu pada setiap waktu dan tidak puas dengan yang sedikit. *"Tuntutlah ilmu sebelum engkau menjadi pemimpin. Jika engkau sudah menjadi pemimpin, maka tiada lagi waktu untuk menuntut ilmu."* –Imam Asy-Syafi'i r.a-

20. BELAJAR KETIKA GURU DALAM KEADAAN SEMPURNA



Hendaklah dia pergi kepada gurunya untuk belajar di pagi hari Maksud berdasarkan hadits Nabi s.a.w:
"Ya Allah, berkatilah umatku pada waktu pagi hari."



BAB 5

PERATURAN MENGHAFAZ AL-QURAN





5.1 ADAB-ADAB MENGHAFAZ AL-QURAN

- Dia mesti berada dalam keadaan paling sempurna
- perilaku paling mulia,
- menjauhkan diri dari segala sesuatu yang dilarang Al-Quran
- terpelihara dari pekerjaan yang rendah,
- berjiwa mulia, merendahkan diri kepada orang-orang soleh dan ahli kebaikan, serta kaum miskin,
- hendaklah dia seorang yang khusyuk memiliki ketenangan dan wibawa.

23. AL-QURAN BUKAN SUMBER PEKERJAAN



Menghindarkan diri dari perbuatan menjadikan Al-Quran sebagai sumber pekerjaan dalam kehidupannya. Rasulullah s.a.w bersabda: Terjemahan: "Bacalah Al-Quran dan jangan menggunakannya untuk mencari makan, jangan mencari kekayaan dengannya, jangan menjauhinya dan jangan melampaui batas di dalamnya."

24. MEMELIHARA BACAAN AL-QURAN



Hendaklah dia memelihara bacaan Al-Quran dan memperbanyak bacaanya. Ibnu Abi Dawud meriwayatkan dari sebagian ulama Salaf bahawa mereka mengkhataamkan Al-Quran sekali dalam setiap dua bulan, manakala setengah dari mereka mengkhataamkan Al-Quran dalam setiap bulan.

25. MEMBACA AL-QURAN PADA WAKTU MALAM



Hendaklah seorang penghafaz Al-Quran lebih banyak membaca Al-Quran pada waktu malam dan dalam solat malam. Allah berfirman:

مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ
يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ

"...diantara ahli kitab itu ada golongan yang berlaku lurus, mereka membaca ayat-ayat Allah s.w.t pada beberapa waktu di malam hari, sedang mereka juga bersujud"

(Surah Ali 'Imran: 113)



26. PELIHARA HAFazan, JANGAN MELUPAKANNYA



Perintah memelihara Al-Quran dan peringatan agar tidak melupakannya. Diriwayatkan dari Sa'ad bin Ubadah dari Nabi s.a.w, baginda bersabda:

"Barangsiapa membaca Al-Qur'an, kemudian melupakannya, dia berjumpa dengan Allah Azza wa Jalla pada hari kiamat dalam keadaan sedih yang amat."
(Riwayat Abu Dawud dan Ad-Darimi)

Diriwayatkan dari Anas bin Malik ra, katanya: Rasulullah s.a.w bersabda:

"Ditunjukkan kepadaku pahala-pahala umatku hingga (pahala) kotoran yang dikeluarkan seseorang dari Masjid. Dan ditunjukkan kepadaku dosa-dosa umatku. Maka tidaklah kulihat dosa yang lebih besar daripada surah atau ayat dari Al-Quran yang dihafaz oleh seseorang, kemudian dilupakannya."
(Riwayat Abu Dawud dan Tirmidzi)

Hadits ini dipersoalkan darjat dan kedudukannya.

27. ORANG YANG TERTIDUR SEBELUM MEMBACA WIRIDNYA



Diriwayatkan dari Umar bin Al-Khatab ra, katanya: Rasulullah s.a.w bersabda:

من نام عن حزبه من الليل أو عن شيء منه
فقرأه ما بين صلاة الفجر وصلاة الظهر كتب له
كأنه قرأه من الليل

Terjemahan: "Barangsiapa tertidur sebelum membaca hizibnya pada waktu malam atau sebagian dari padanya, kemudian membacanya antara solat Fajar dan solat Zuhur, maka dia ditulis seolah-olah membacanya pada waktu malam."

(Riwayat Muslim)



BAB 6

ADAB DAN ETIKA MEMBACA AL-QURAN



**ADAB MEMBACA AL-QURAN**

Orang yang membaca Al-Quran sudah sepatutnya menunjukkan keikhlasan dan menjaga adab terhadap Al-Quran.

Maka patutlah dia menghadirkan hatinya kerana dia sedang bermunajat kepada Allah s.w.t dan membaca Al-Quran seperti keadaan orang yang melihat Allah s.w.t, jika dia tidak boleh melihat-Nya, maka sesungguhnya Allah s.w.t melihatnya.

28. MEMBERSIHKAN MULUT DENGAN SIWAK ATAU LAINNYA


Jika hendak membaca Al-Quran, hendaklah dia membersihkan mulut dengan siwak atau lainnya. Pendapat yang lebih terpilih berkenan dengan siwak ialah menggunakan kayu Arak. Boleh juga dengan kayu-kayu lainnya atau dengan sesuatu yang dapat membersihkan, seperti kain kasar dan lainnya.

29. MEMBACA AL-QURAN DALAM KEADAAN SUCI

Diutamakan bagi orang yang membaca Al-Quran dalam keadaan suci. Jika membaca Al-Quran dalam keadaan berhadass, maka hukumnya harus berdasar ijma'ul muslimin.

Sementara orang yang berjunub dan wanita yang haid, maka haram atas keduanya membaca Al-Quran, sama saja satu ayat atau kurang dari satu ayat. Bagi keduanya diharuskan membaca Al-Quran di dalam hati tanpa mengucapkannya dan boleh memandang ke dalam mushaf. Ijmak muslim mengharuskan bagi yang berjunub dan yang haid mengucapkan tasbih, tahlil, tahmid, takbir dan membaca selawat ke atas Nabi s.a.w serta zikir-zikir lainnya.

Imamul Haramain berkata, apabila orang yang berjunub mengucapkan: *"Bismillah wal hamdulillah, maka jika dia bermaksud membaca Al-Qur'an, dia durhaka. Jika dia bermaksud berzikir atau tidak bermaksud membaca apa-apa, dia tidak berdosa."*



30. BERTAYAMMUM BAGI ORANG BERHADAS (JUNUB/ HAID)



Jika orang yang berjunub atau haid tidak menemukan air, maka hendaklah dia bertayammum dan diharuskan baginya membaca Al-Quran, solat serta lainnya. Sekiranya dia bertayamum, kemudian solat dan membaca Al-Quran, kemudian ingin bertayamum kerana berhadass atau untuk mengerjakan solat fardhu lainnya maka tidak haram atasnya membaca Al-Quran menurut mazhab yang sahih dan terpilih.

Jika orang yang berjunub tidak menemukan air ataupun tanah, maka dia boleh solat untuk memuliakan waktu menurut keadaannya dan haram atasnya membaca Al-Quran di luar solat. Diharamkan atasnya membaca dalam solat lebih dari Al-Fatihah.

Apakah haram atasnya membaca Al-Fatihah? Pendapat yang lebih sahih dan terpilih ialah tidak haram, bahkan wajib kerana solat itu tidak sah tanpa membaca Al-Fatihah. Manakala diharuskan solat dalam keadaan darurat, dalam keadaan janabah, maka diharuskan juga membaca Al-Quran.

31. SUNNAH MEMBACA AL-QURAN DI TEMPAT YANG BERSIH DAN TERPILIH



Ulamak menganjurkan membaca Al-Quran di masjid kerana ia bersih dan merupakan tempat mulia serta terus berniat iktikaf.

Asy-Sya'bi berkata, makruh membaca Al-Quran di tiga tempat:

- Tempat mandi
- Tempat buang air
- Tempat penggilingan gandum

Sementara membaca Al-Quran di jalan, maka pendapat yang terpilih adalah boleh dan tidak makruh, jika pembacanya tidak lalai. Jika lalai, maka dihukumkan makruh sebagaimana Nabi s.a.w tidak menyukai membaca Al-Quran oleh orang yang mengantuk kerana takut keliru.

32. MENGHADAP KIBLAT



Diutamakan bagi pembaca Al-Quran di luar solat supaya menghadap kiblat. Hendaklah dia duduk dengan khusyuk dan tenang sambil menundukkan kepalanya.

Diharuskan baginya membaca sambil berdiri atau berbaring atau di tempat tidurnya atau dalam keadaan lainnya dan dia mendapat pahala, akan tetapi nilainya kurang dari yang pertama.



33. MEMBACA ISTI'AZAH / TA'AWWUDZ



Jika hendak mulai membaca Al-Quran, maka dia memohon perlindungan dengan mengucapkan:
A'uudzu billaahi minasy-syaithaanir rajiim
(Aku Berlindung kepada Allah s.w.t dari Syaitan yang terkutuk).

34. MEMBACA BASMALAH



Hendaklah orang yang membaca Al-Quran selalu membaca *bismillahir Rahmaanir Rahiim* pada awal setiap surah selain surah Bara'ah

35. BERSIKAP KHUSYUK DAN MERENUNGKAN MAKNANYA



Jika mulai membaca, hendaklah bersikap khushyuk dan merenungkan maknanya ketika membaca.

As-Sayyid yang mulia dan pemilik berbagai anugerah serta makrifat, Ibrahim Al-Khawash ra.a berkata:

"Ubat penyembuh hati ada lima perkara, iaitu:

1. Membaca Al-Quran dan merenungi maknanya.
2. Perut yang kosong.
3. solat malam.
4. Berdoa dengan penuh tawadhuq di hujung malam.
5. Duduk bersama orang-orang sholeh.

36. ANJURAN MENGULANG-ULANG AYAT UNTUK DIRENUNGKAN.



Diriwayatkan dari Tamim Ad-Dariy ra bahawa dia mengulang-ulang ayat ini sehingga pagi:

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ اجْتَرَحُوا السَّيِّئَاتِ أَنْ نَجْعَلَهُمْ كَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَوَاءً مَحْيَاهُمْ وَمَمَاتُهُمْ سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٢١﴾

Maksud: "Apakah orang-orang yang melakukan kejahatan itu menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh."

(Surah Al-Jathiyah: 21)



37. MENANGIS KETIKA MEMBACA AL-QURAN



Menangis ketika membaca Al-Quran merupakan sifat orang soleh. Allah berfirman dalam Surah Al-Israa:109 :

وَيَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ يَبْكُونَ وَيَزِيدُهُمْ خُشُوعًا ﴿١٠٩﴾

"Dan mereka menyungkur atas muka mereka sambil menangis dan mereka bertambah khusyuk."

38. MEMBACA AL-QURAN DENGAN TARTIL



Hendaklah membaca Al-Quran dengan tartil. Allah berfirman dalam Surah Al-Muzzammil ayat 4) :

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾

"Dan bacalah Al-Quran itu dengan tartil."

39. BERDOA KETIKA MEMBACA AYAT RAHMAT ATAU SIKSAAN



Diutamakan jika melalui ayat yang mengandung rahmat atau siksaan agar memohon kepada Allah s.w.t rahmat dan perlindungan dari kejahatan dan siksaan.

40. MEMULIAKAN AL-QURAN KETIKA MEMBACA BERSAMA-SAMA



Di antaranya menghindari tertawa, berbuat bising dan bercakap-cakap di tengah pembacaan, kecuali perkataan yang perlu diucapkan. Hendaklah dia mematuhi firman Allah s.w.t dalam Surah Al-A'raf ayat 204) :

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

"Dan apabila dibacakan Al-Qur'an, maka dengarkanlah baik-baik dan perhatikanlah dengan tenang agar kamu mendapat rahmat."

41. MEMBACA AL-QURAN DENGAN BAHASA ARAB



Tidak boleh membaca Al-Quran dengan selain bahasa Arab, sama ada di dalam solat ataupun di luar solat. Jika dia membaca Al-Quran selain bahasa Arab dalam solatnya, maka tidak sah.



42. BACAAN QIRAAT TUJUH



Diharuskan membaca Al-Quran dengan tujuh qiraat seperti bacaan yang dipersetujui. Imam Abu Umar bin Andul Bar Al-Hafizh telah menulis jima'ul muslimin, 'bahawa tidak boleh membaca dengan bacaan yang asing (syadz) dan tidak boleh solat di belakang orang yang membaca dengan bacaan syadz.

43. KEKAL DALAM BACAAN SATU QIRAAT SAHAJA



Jika dia memulai dengan bacaan salah seorang ahli qiraat, maka hendaknya dia tetap dalam qiraat itu selama bacaannya berkaitan dengannya. Kalau hubungannya berakhir, dia boleh membaca dengan bacaan salah seorang dari tujuh qiraat yang lain. Pendapat yang lebih utama adalah tetap dalam bacaan qiraat yang pertama di majlis itu.

44. BACAAN SETIAP SURAH MENURUT TERTIB MUSHAF



Pendapat yang lebih terpilih adalah membaca menurut tertib Mushaf, maka dia baca Al-Fatihah, kemudian Al-Baqarah, kemudian Ali-Imran, kemudian surah-surah sesudahnya menurut tertibnya, sama saja dia membaca dalam solat atau di luarnya.

45. MEMBACA AL-QURAN DARI MUSHAF LEBIH UTAMA



Membaca Al-Quran dari Mushaf lebih utama daripada membacanya dengan hafazan kerana memandangkan dalam Mushaf adalah ibadah yang diperintahkan,


46. MEMBACA AL-QURAN SECARA BERJEMAAH



Hukumnya mustahab.

Baginda bersabda: *"Tidaklah suatu kaum menyebut nama Allah swt bersama-sama, kecuali mereka dikelilingi oleh para malaikat, diliputi rahmat dan turun ketenangan ke atas mereka serta Allah swt menyebut mereka di antara para malaikatnya di sisi-Nya."*

(Riwayat Tirmidzi dan dia berkata, hadith ini hasan sahih)



47. MEMBACA AL-QURAN SAMBUNG-MENYAMBUNG



Maksudnya adalah sejumlah orang berkumpul, setengah dari mereka membaca sepuluh ayat atau sebahagian atau selain itu, kemudian diam dan lainnya meneruskan bacaan, kemudian lainnya lagi. Ini boleh dilakukan dan baik. Imam Malik rahimahullah telah ditanya dan dia menjawab: *"Tidak ada masalah dengannya."*

48. MEMBACA AL-QURAN DENGAN SUARA KUAT



Merendahkan suara lebih utama bagi orang yang takut berbuat riyak. Jika tidak takut berbuat riyak, maka menguatkan suara lebih baik kerana lebih banyak diamalkan dan berfaedah meluas kepada orang lain.

49. SUNAH MENGINDAHKAN SUARA PADA WAKTU MEMBACA AL-QURAN



Para ulama Salaf dan Khalaf serta para ulama Anshar dan imam-imam muslimin sependapat dengan sunahnya mengindahkan suara ketika membaca Al-Quran.

50. SUNAH Mencari GURU AL-QURAN YANG BAIK & BAGUS SUARANYA




Ingatlah bahawa para jemaah ulama Salaf, meminta para pembaca Al-Quran yang bersuara bagus agar membacanya sedang mereka mendengarnya.

51. MEMULAI ATAU BERHENTI PADA AYAT AL-QURAN



Jika pembaca memulai dari tengah surah atau berhenti di tempat yang bukan akhirnya, dia perlu memulai dengan kalam yang saling berkaitan antara satu sama lain (dan berhenti pada kalam berkenaan).

Sepatutnya pembaca Al-Quran tidak memulai atau berhenti pada ayat yang berkaitan dengan yang sebelumnya kerana dikhuatiri merosakkan maksud ayat tersebut.



52. MAKRUH MEMBACA AL-QURAN KETIKA:



- Rukuk, sujud dan tasyahud serta keadaan-keadaan solat yang lainnya, kecuali berdiri.
- Membaca lebih dari Al-Fatihah bagi makmum dalam keadaan solat yang dikeraskan bacaannya
- Duduk di tempat buang hajat
- Dalam keadaan mengantuk.
- Menemui kesukaran
- Khutbah bagi orang yang mendengarnya.

Inilah pendapat yang terpilih dan sah

53. PERKARA BIDA'AH TENTANG BACAAN SURAH DALAM SOLAT



- Menjadikan rakaat kedua lebih panjang dari rakaat pertama, sedangkan yang sunnah adalah memanjangkan rakaat pertama.
- Memanjangkan solat terhadap para makmum.
- Bacaan surah yang amat laju.
- Pembacaan Ayat Sujud Tilawah dalam solat Subuh hari Jumaat, tetapi bukan Surah As-Sajadah. Sedangkan yang sunnah adalah membaca Surah As-Sajadah pada rakaat pertama dan surat Al-Insan pada rakaat kedua.

54. MASALAH ANEH YANG PERLU DIKETAHUI



Apabila membaca surah, kemudian menguap, maka hendaklah dia menghentikan bacaanya hingga sempurna keluarnya, kemudian kembali membaca ayat tersebut.

Diriwayatkan dari Abu Said Al-Khudri ra, Katanya: Rasulullah SAW bersabda: *"Jika seseorang dari kamu menguap, hendaklah dia menutup mulutnya dengan tangannya kerana syaitan akan masuk."*

(Riwayat Muslim)



55. BACAAN AL-QURAN YANG DIMAKSUDKAN SEBAGAI KALAM



Ibnu Abi Dawud menyebutkan adanya perselisihan berkenaan dengan hal ini. Diriwayatkan dari Ibrahim An-Nakha' l ra bahwa dia tidak suka membaca Al-Quran dengan tujuan urusan dunia.

Para sahabat kami mengatakan, apabila seseorang minta izin masuk kepada orang yang sedang solat, kemudian orang yang solat itu membacakan: *"Udkhuluuha bi salaamin aminiin* (Masuklah kamu dengan selamat dan aman), maka jika dia maksudkan tilawah ayat al-Quran dan pemberitahuan, tidaklah batal solatnya. Jika dia maksudkan pemberitahuan dan tiada niat tilawah, maka batallah solatnya.

56. HUKUM BACA AL-QURAN SAMBIL BERJALAN



Jika dia membaca sambil berjalan, kemudian melalui sejumlah manusia, diutamakan memutuskan bacaan dan memberi salam kepada mereka, kemudian melanjutkan bacaannya. Jika dia mengulangi *ta'awwudz*, maka perbuatan itu lebih baik.

Sekiranya membaca sambil duduk, kemudian ada orang lalu di depannya, maka dikatakan oleh Imam Abul Hasan AlWahidi: *"Pendapat yang lebih utama adalah tidak memberi salam kepada pembaca Al-Quran kerana dia sibuk membaca."*

57. BERDIRI TANDA HORMAT



Jika datang kepada pembaca Al-Quran orang yang berilmu/ terhormat/ orang tua yang terpendang/ mereka miliki kehormatan sebagai pemimpin atau lainnya, maka tidaklah mengapa berdiri untuk menghormati dan memuliakannya, bukan kerana riyak dan membanggakan diri. Bahkan perbuatan itu mustahab (sunnah).

Berdiri sebagai penghormatan adalah termasuk dari perbuatan Nabi SAW dan perbuatan para sahabatnya di hadapan beliau, serta perbuatan para tabi'in dan ulamak yang soleh setelah mereka.



58. MEMBACA AL-QURAN DALAM SOLAT



Wajib membaca Al-Quran dalam solat fardhu berdasarkan ijmak ulamak.

Imam Malik, Imam Asy-Syafi'i, Imam Ahmad dan majoriti ulamak berpendapat wajib membaca Al-Fatihah dalam setiap rakaat berdasarkan hadis sahih:

ولا تجزئ صلاة لا يقرأ فيها بأم القرآن

"Tidak memadai (sah) solat yang tidak dibaca AlFatihah di dalamnya."

Mereka sependapat atas sunahnya membaca surat sesudah Al-Fatihah dalam dua rakaat solat Subuh dan dua rakaat pertama dari solat-solat lainnya. Mereka berlainan pendapat tentang anjuran membacanya pada rakaat ke-tiga dan keempat.

Pembacaan Al-Quran pada rakaat pertama lebih panjang daripada rakaat kedua berdasarkan hadis Nabi S.A.W.


كان يطول في الأولى ما لا يطول في الثانية

Terjemahan: *"Bahwa Rasulullah saw lebih memanjangkan bacaan pada rakaat pertama dari pada rakaat kedua."*

Faedahnya ialah supaya orang yang masbuk mendapat rakaat pertama.

Imam Asy-Syafi'i rahimahullah mengatakan, apabila makmum masbuk mendapati dua rakaat terakhir dari solat Zuhur dan lainnya bersama imam, kemudian dia kerjakan dua rakaat baginya, maka diutamakan baginya membaca Surah supaya solatnya tidak kosong dari surah. Ini adalah pendapat yang lebih benar.

Makmum jika solat yang perlahan bacaannya, wajiblah dia membaca Al-Fatihah dan diutamakan baginya membaca surah. Jika solat itu bacaannya keras, dan dia mendengar bacaan imam, tidaklah disukai baginya membaca surah.



58. MEMBACA AL-QURAN DALAM SOLAT..sambungan



Wajib membaca Al-Fatihah pada rakaat pertama dari solat jenazah. Manakala membaca Al-Fatihah dalam solat nafilah, maka mesti dilakukan.

Orang yang tidak mampu membaca Al-Fatihah dalam semua ini maka hendaklah dia menggantinya dengan membaca ayat-ayat yang setara dengannya dari Al-Quran. Jika tidak mampu membaca sesuatu, dia berdiri sekadar lamanya bacaan Al-Fatihah kemudian rukuk.

59. GABUNG DUA SURAH DALAM SATU RAKAAT



Tidaklah mengapa jika menggabungkan dua surah dalam satu rakaat.

Mengikut riwayat yang terdapat di dalam sahihain (Bukhari dan Muslim) dari hadits Abdullah bin Mas'ud ra, katanya:


"Aku telah mengetahui surat-surat dimana pernah Rasulullah saw menggabungkannya. Dia menyebut dua puluh surat dari Al-Mufashshal, setiap dua surat dalam rakaat. Telah kami kemukakan dari jamaah Salaf pembacaan berkhataam dalam satu rakaat."

60. BACAAN SUARA KUAT DALAM SOLAT



Sunah membaca dengan suara kuat dalam Solat Subuh, Jumaat, dua hari raya dan dua rakaat dari solat Maghrib dan Isyak, solat Tarawih dan Witir sesudahnya, gerhana bulan, Istisqa' Ini adalah mustahab bagi imam dan orang yang solat sendirian. Sementara makmum, tidak perlu menguatkan suaranya sesuai dengan ijmak.

Sunah membaca dengan perlahan bagi solat gerhana Matahari dan solat jenazah, jika solatnya berlangsung pada waktu siang, demikian jugalah di malam hari menurut mazhab yang sahih dan terpilih.



60. BACAAN SUARA KUAT DALAM SOLAT...sambungan



Sekiranya membaca dengan kuat di tempat bacaan perlahan atau membaca dengan perlahan di tempat bacaan kuat, maka solatnya sah, tetapi melakukan perbuatan yang makruh dan tidak perlu sujud kerana lupa.

Ingatlah bahawa bersuara perlahan dalam bacaan Al-Quran, takbir dan zikir-zikir lainnya dalam solat adalah dengan mengucapkannya sehingga terdengar oleh telinga sendiri. Jika dirinya tidak mendengar bacaannya, maka tidak sah bacaannya ataupun zikir-zikir lainnya tanpa ada perselisihan.

61. SUNAT IMAM DIAM DALAM KEADAAN BERDIRI SOLAT JAHR



Para sahabat kami berkata, disunahkan bagi imam dalam solat yang kuat bacaannya agar diam empat kali dalam keadaan berdiri.

1. Diam sesudah takbiratul ihram untuk membaca doa tawajjuh dan para makmum membaca takbir.
2. Sesudah Al-Fatihah diam sebentar saja antara akhir Al-Fatihah dan ucapanm Aamiin supaya tidak timbul sangkaan bahwa Aamiin termasuk Al-Fatihah.
3. Diam lama setelah mengucapkan Aamiin.
4. Setelah membaca surat untuk memisahkan dengannya antara pembacaan surat dan takbir untuk melakukan rukuk.

62. SUNAT MAKMUM BACA 'AAMIIN'



Disunahkan bagi setiap pembaca, sama saja dalam solat atau di luar solat, jika selesai membaca Al-Fatihah agar mengucapkan Aamiin.

Terdapat beberapa cara mengucapkan Aamiin. Para ulama berkata, yang paling fasih adalah Aamiin dengan memanjangkan Hamzah dan meringankan mim, cara kedua dengan memendekkannya.



63. SUJUD TILAWAH



Majoriti ulamak menyatakan, mustahab (sunah) untuk melakukan sujud tilawah berdasarkan hadis sahih dari Umar Ibnu Al-Khattab ra:

"Bahawa dia membaca di atas mimbar pada hari Jumaat surat An-Naml hingga sampai ayat sajadah, dia turun kemudian sujud dan orang lain pun sujud. Sehingga pada hari Jumaat berikutnya dia membacanya hingga tiba pada ayat sajadah, katanya: 'Wahai para manusia. Sesungguhnya kita melalui tempat sujud, maka barangsiapa yang sujud, dia telah melakukan sesuatu yang benar. Dan siapa yang tidak sujud, dia tidak berdosa,' dan Umar tidak sujud."

(Riwayat Bukhari)

64. JUMLAH SUJUD TILAWAH DAN TEMPATNYA



Menurut Imam Asy-Syafi'i rahimahullah dan majoriti ulama terdapat 14 tempat sujud tilawah iaitu:

1. Al-A'raf 7:206
2. Ar-Ra'd 13:15
3. An-Nahl 16:50
4. Al-Israa' 17:109
5. Maryam 19:58
6. Al-Hajj 22: 18
7. Al-Hajj 22:77
8. Al-Furqan 25:60
9. An-Naml 27:26
10. As-Sajadah 32: 5
11. Fushshilat 41:15
12. An-Najm 53:62
13. Al-Insyiqaaq 84:21
14. Al-'Alaq 96:19

Sementara sajadah dalam surat Shaad, maka hukumnya mustahab dan tidak ditekankan untuk melakukan sujud. Dirwayatkan dalam sahih Muslim dari Ibnu Abbas ra, katanya: *"Sajadah dalam surat Shaad bukanlah sujud yang ditekankan dan aku telah melihat Nabi saw sujud pada ayat itu."*



65. HUKUM DAN SYARAT SUJUD TILAWAH



Hukum Sujud Tilawah sama dengan hukum solat, nafilah dalam pensyaratan suci dari hadas dan najis, menghadap kiblat dan menutup aurat.

Diharamkan menghadap selain kiblat, kecuali dalam perjalanan di mana boleh menghadap selain kiblat dalam solat nafilah. Semua ini disetujui oleh para ulamak.

66. KHILAF SUJUD TILAWAH DALAM SURAH SHAAD



Jika membaca sajadah (dalam Surat Shaad), orang yang berpendapat bahwa dalam surah itu merupakan ketentuan tempatnya Sujud Tilawah, maka dia boleh sujud sama saja ketika dia membacanya di dalam solat atau di luarnya sebagaimana sajadah-sajadah lainnya.

Manakala Asy-Syafi'i dan lainnya berpendapat bahwa pada tempat itu tidak termasuk tempat tujuan Sujud Tilawah, maka mereka berkata, apabila membacanya di luar solat, diutamakan baginya sujud kerana Nabi SAW sujud pada tempat itu sebagaimana kami kemukakan.

Jika membacanya dalam solat, dia tidak sujud. Jika sujud, sedang dia tidak tahu atau lupa, tidaklah batal solatnya, tetapi dia lakukan sujud Sahwi.

Jika dia mengetahui, maka pendapat yang sah adalah batal solatnya kerana dia menambah dalam solat sesuatu yang bukan termasuk dari solat, maka batal. Sebagaimana jika dia lakukan sujud syukur, maka sujud itu membatalkan solatnya tanpa ada perselisihan.

Pendapat kedua adalah tidak batal kerana berkaitan dengan solat. Sekiranya imamnya sujud pada sajadah dalam surat Shaad kerana dia meyakiniya termasuk sajadah yang ditekankan untuk sujud sedang makmum tidak meyakiniya, maka dia tidak mengikuti imam, tetapi memisahkan diri daripadanya dengan tidak sujud. Ini menurut pendapat yang lebih tepat adalah iaitu makmum tidak sujud.



67. ORANG YANG DISUNNAHKAN SUJUD TILAWAH



Disunahkan melakukan Sujud Tilawah bagi pembaca Al-Quran yang bersuci dengan air atau tanah, sama saja dalam solat atau di luarnya.

Disunahkan pula bagi orang yang mendengar dan orang yang mendengar tanpa sengaja.

Bagaimanapun Imam Asy-Syafi'i berkata, bahawa saya tidak menekankan ke atasnya sebagaimana saya tekankan bagi orang yang mendengar. Inilah pendapat yang sahih.

68. MERINGKAS SUJUD TILAWAH



Tentang meringkas sujud Tilawah. Yang dimaksud adalah membaca satu atau dua ayat, kemudian sujud.

Ibnul Mundzir menceritakan dari Asy-Sya'bi, Hasan Al-Bashri, Muhammad bin Sirin, An-Nakha'i, Ahmad dan Ishaq bahawa mereka tidak menyukai hal itu.

Diriwayatkan daripada Abu Hanifah, Muhammad bin Hasan dan Abu Thsaur bahawa hal itu tidak ada masalah denganya dan ini sesuai dengan mazhab kami.

69. CARA MELAKUKAN SUJUD TILAWAH



Jika solat sendirian, dia boleh sujud untuk bacaan dirinya sendiri. Seandainya dia meninggalkan Sujud Tilawah dan rukuk, kemudian ingin sujud untuk tilawah sesudahnya, maka tidak dibolehkan.

Jika sudah merebahkan diri untuk rukuk tetapi belum sampai ke batas rukuk, maka boleh melakukan Sujud Tilawah.

Sementara jika orang yang solat sendirian mendengar bacaan seorang pembaca dalam solat atau lainnya, maka dia tidak boleh sujud kerana mendengarnya. Jika dia sujud dengan mengetahui, batallah solatnya.



69. CARA MELAKUKAN SUJUD TILAWAH...sambungan



Manakala orang yang solat berjamaah, apabila dia sebagai imam, maka dia seperti orang yang solat sendirian. Jika Imam Sujud Tilawah kerana bacaannya sendiri, wajiblah atas makmum untuk sujud bersamanya. Jika tidak dilakukannya, batallah solatnya.

Jika imam tidak sujud, maka makmum tidak boleh sujud. Jika makmum sujud, batallah solatnya. Bagaimanapun diutamakan baginya untuk sujud jika selesai solat dan tidak ditekankan.

Sekiranya imam sujud sedang makmum tidak tahu hingga imam mengangkat kepalanya dari sujud, maka dia dimaafkan atas ketertinggalannya dan dia tidak boleh sujud.

Sekiranya dia mengetahui, sedang imam dalam keadaan sujud, wajiblah dia sujud. Sekiranya dia rebahkan diri untuk sujud, kemudian imam mengangkat kepalanya ketika dia sedang bergerak untuk sujud, maka dia mesti berdiri semula bersamanya dan tidak boleh sujud.

Demikian orang lemah yang merebahkan untuk sujud bersama imam, apabila imam bangkit dari sujud sebelum orang yang lemah itu sampai ke tempat sujud lantaran cepatnya imam dan lambatnya makmum yang lemah itu, maka dia kembali bersamanya dan tidak boleh meneruskan sujud.

Sementara jika orang yang solat itu sebagai makmum, maka dia tidak boleh sujud kerana bacaannya sendiri ataupun kerana bacaan selain imamnya. Jika dia sujud, batallah solatnya.

Dan makruh baginya membaca ayat sajadah dan mendengar pada bacaan selain imamnya.



70. WAKTU SUJUD TILAWAH



Para Ulama berkata, bahwa sujud Tilawah itu mesti dilakukan sesudah ayat sajadah yang dibaca atau didengarnya.

Jika dia tangguhkan dan tidak lama selang waktunya, dia masih boleh sujud. Jika lama selang waktunya, maka telah berlalu waktu sujudnya dan tidak perlu mengqadha menurut madzhab yang sahih dan masyhur, sebagaimana sembahyang gerhana matahari tidak perlu diqadha.

Kalau pembaca atau pendengarnya berhadass ketika membaca sajadah, kemudian bersuci dalam waktu yang tidak lama, dia boleh sujud.

Jika bersucinya terlambat hingga lama selang waktunya, maka pendapat yang sahih dan terpilih yang ditetapkan oleh sebagian besar ulama adalah tidak sujud.

71. BACAAN SUJUD TILAWAH YANG BERULANG DAN PERLAKSANAANNYA



Jika seluruh ayat sajadah atau beberapa sajadah dibaca dalam suatu majlis, maka dia sujud pada setiap sajadah tanpa ada perselisihan.

Jika dia mengulangi bacaan satu ayat dalam beberapa majlis, maka dia sujud untuk setiap kali sajadah tanpa ada perselisihan.

Jika dia mengulangnya dalam satu majlis, maka ada beberapa pandangan.

1. Cara yang lebih sahih adalah sujud sekali untuk setiap bacaan kerana adanya sebab baru setelah memenuhi hukum yang pertama.
2. Pendapat kedua, cukuplah baginya sujud setelah bacaan pertama untuk semuanya.
3. Pendapat ketiga, jika selang waktunya berlangsung lama, dia boleh sujud. Kalau tidak, cukuplah baginya sujud kerana sajadah yang pertama.

Jika satu ayat dibaca berulang-ulang dalam solat dan kalau hal itu dilakukan dalam satu rakaat, maka seperti satu majlis. Kalau berlangsung dalam dua rakaat, maka dia seperti dua majlis hingga dia ulangi sujudnya tanpa ada perselisihan.



72. WAKTU SUJUD TILAWAH



Jika membaca sajadah sambil menaiki kenderaan dalam perjalanan, dia boleh sujud dengan memberi isyarat. Ini adalah mazhab kami, Imam Malik, Abu Hanifah, Abu Yusuf, Muhammad, Ahmad, Zufar, Dawud dan lainnya.

Manakala orang yang menaiki kenderaan di tempat menetap, maka dia tidak boleh sujud dengan memberi isyarat.

73. BACAAN SUJUD TILAWAH SEBELUM AL-FATIHAH



Jika dia membaca ayat sajadah dalam sembahyang sebelum Al-Fatihah, maka dia boleh sujud.

Lain halnya jika dia membaca dalam rukuk atau sujud, maka dia tidak boleh sujud.

Sekiranya dia membaca sajadah, kemudian merebahkan diri untuk sujud, kemudian dia ragu sama ada telah membaca Al-Fatihah atau belum, maka dia boleh sujud untuk tilawah. Kemudian dia berdiri lagi dan membaca Al-fatihah kerana Sujud Tilawah tidak boleh ditangguhkan.

74. BACAAN SUJUD TILAWAH DALAM BAHASA PARSİ



Jika seseorang membaca sajadah dengan bahasa Parsi, maka menurut pendapat kami tidak perlu sujud, sebagaimana jika ayat sajadah itu ditafsirkan. Namun Abu Hanifah berpendapat boleh sujud.

75. SUJUD TILAWAH OLEH ORANG YANG MENDENGAR



Jika orang yang mendengar ayat sajadah itu sujud bersama pembaca, dia tidak terikat dengannya dan tidak berniat mengikutinya dan dia boleh bangkit dari sujud sebelumnya.



76. SUJUD TILAWAH DALAM SOLAT PERLAHAN ATAU JAHAR



Tidaklah makruh pembacaan ayat sajadah oleh imam, menurut pendapat kami, sama saja dalam solat yang perlahan bacaannya atau jahar bacaannya dan dia boleh sujud jika membacanya.

Dalam hal ini Imam Malik berpendapat, bahwa sujud tidak disukai sama sekali. Abu Hanifah berpendapat, Makruh sujud Tilawah dalam sembahyang yang perlahan bacaannya, bukan solat yang jahar bacaannya.

77. SUJUD TILAWAH DALAM WAKTU DILARANG SOLAT



Menurut pendapat kami tidak makruh Sujud Tilawah dalam waktu-waktu yang dilarang solat. Ini juga merupakan pendapat Asy-Sya'bi, Hasan Al-Bashri, Salim bin Abdullah, Al-Qasim, Atha', Ikrimah, Abu Hanifah, Ashabur Ra'yi dan Malik dalam salah satu dari dua riwayat.

Sejumlah ulama tidak menyukai hal itu. Diantara mereka adalah Abdullah bin Umar, Sa'id, Ibnul Musayyab dan Malik dalam riwayat lain, Ishaq bin Rahawaih dan Abu Thaur.

78. SUJUD TILAWAH DALAM KEDUDUKAN RUKUK



Rukuk tidak boleh menggantikan kedudukan sujud Tilawah dalam keadaan ikhtiar. Ini mazhab kami dan mazhab majoriti Ulama Salaf dan Khalaf.

Dalil yang dipakai oleh adalah mengkiaskannya dengan sujud dalam solat. Sementara orang yang tidak sanggup sujud, maka dia memberi isyarat untuk Sujud Tilawah sebagaimana dia memberi isyarat untuk sujud dalam solat.



79. DUA KEADAAN SUJUD TILAWAH



1. Kaedah Sujud Tilawah di luar solat

Niatkan Sujud Tilawah, melakukan takbiratul ihram (rukun) dan mengangkat kedua tangan sejajar dengan kedua bahunya, kemudian takbir lagi sekali untuk Sujud Tilawah tanpa mengangkat tangan. Takbir yang kedua ini mustahab, bukan syarat, seperti takbir sujud untuk solat.

Jika dalam keadaan duduk, disunahkan baginya berdiri, kemudian takbiratul Ihram dalam keadaan berdiri kemudian merebahkan diri untuk sujud tilawah.

Adab-adab sujud dalam bentuk (haiah)


- Meletakkan kedua tangannya setakat kedua bahunya di atas tanah dan merapatkan jari-jemarinya serta membentangkannya ke arah kiblat.
- Menjauhkan kedua sikunya dari kedua sisinya dan mengangkat perutnya dari kedua pahanya kalau seorang lelaki. Jika dia seorang perempuan, maka dia tidak menjauhkannya.
- Bersujud dengan merapatkan dahi dan hidungnya di atas mushalla (alas tempat solat) dan tenang dalam sujudnya.

Bacaan tasbih semasa sujud tilawah, maka para sahabat kami berpendapat, dia bertasbih seperti bertasbih dalam sujud solat. Dia ucapkan tiga kali Subhana Rabbiyal A'la tiga kali. Kemudian dia ucapkan:

اللَّهُمَّ لَكَ سَجَدْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَلَكَ أَسْلَمْتُ
سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ
تَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ

Terjemahan: "Ya Allah, kepada-Mu aku sujud, kepada-Mu aku beriman dan kepada-Mu aku berserah diri. Wajahku sujud kepada Tuhan yang menciptakannya dan membentuk rupanya, membuat pendengaran dan penglihatannya dengan daya dan kekuatan-Nya. Maha Suci Allah sebaik-baik Pencipta."

Kemudian ketika selesai dari bertasbih dan berdoa, dia angkat kepalanya sambil bertakbir.



79. DUA KEADAAN SUJUD TILAWAH



Apakah Sujud Tilawah memerlukan salam? apakah dia memerlukan tasyahud?

Berkenaan dengan tasyahud dan salam ada tiga pendapat:

1. Pendapat yang lebih sahih ialah mesti memberi salam tanpa membaca tasyahud.
2. Pendapat kedua, dia tidak memerlukan salah satu dari keduanya.
3. Pendapat ketiga ialah mesti melakukan keduanya.

2. Kaedah Sujud Tilawah di dalam solat

Dia tidak perlu mengucapkan takbiratul ihram dan diutamakan bertakbir untuk sujud dan tidak mengangkat kedua tangannya serta bertakbir untuk bangkit dari sujud. Inilah pendapat yang sahih dan masyhur yang didukung bersama oleh majoriti ulamak

Manakala adab-adab dalam haiah dan tasbih ketika Sujud Tilawah adalah seperti dalam sikap sujud yang lalu di luar solat kecuali jika orang yang sujud itu menjadi imam, maka hendaklah dia tidak memanjangkan tasbih, kecuali jika dia tahu dari keadaan para makmum bahawa mereka lebih suka memanjangkannya.

Kemudian, apabila bangkit dari Sujud Tilawah, maka harus berdiri tegak. Disunahkan ketika berdiri tegak adalah membaca sesuatu, kemudian rukuk. Jika berdiri tegak, kemudian rukuk tanpa membaca sesuatu, maka hukumnya dibolehkan.



80. WAKTU-WAKTU TERPILIH MEMBACA AL-QURAN



Ingatlah bahwa membaca Al-Quran yang paling baik adalah di dalam sembahyang. Menurut madzhab Asy-Syafi'i dan lainnya, bahwa berdiri lama dalam sembahyang lebih baik daripada sujud yang lama. Sementara membaca Al-Quran di luar sembahyang, maka yang paling utama adalah pada waktu malam dan dalam separuh terakhir dari waktu malam lebih baik daripada separuh pertama. Membacanya di antara Maghrib dan Isyak disukai. Manakala pembacaan pada waktu siang, maka yang paling utama adalah setelah sembahyang Subuh dan tidak ada makruhnya membaca Al-Quran pada waktu-waktu yang mengandung makan.

Sementara yang diriwayatkan oleh Ibnu Abi Dawud dari Mu'adz bin Rifa'ah dari guru-gurunya bahwa mereka tidak suka membaca Al-Quran sesudah Ashar. Waktu itu adalah waktu orang Yahudi belajar. Riwayat itu tidak boleh diterima dan tidak ada dasarnya. Hari-hari yang terpilih ialah Jumaat, Senin, Kamis dan hari Arafah, sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan, sepuluh hari pertama dari bulan Dzulhijjah; sedang bulan yang paling utama dalah bulan Ramadhan.

81. TIDAK MENGETAHUI TEMPAT SESUDAH AYAT YANG TELAH DICAPAINYA



Jika pembaca merasa bingung dan tidak mengetahui tempat sesudah ayat yang telah dicapainya, maka bertanyalah kepada orang lain. Patutlah dia mengacu dengan apa yang diriwayatkan daripada Abdullah Abu Mas'ud, Ibrahim An-Nakha'i dan Basyir bin Abu Mas'ud ra. Mereka berkata, apabila seseorang dari kamu bertanya kepada saudaranya tentang suatu ayat, hendaklah dia membaca ayat yang sebelumnya, kemudian diam dan tidak mengatakan bagaimana boleh begini dan begini, hal itu akan mengelirukannya.



82. BERDALIL MENGGUNAKAN AYAT AL-QURAN



Jika ingin berdalil dengan suatu ayat, maka dia boleh berkata, *Qaalallahu Ta'ala kadza* (Allah telah berfirman demikian) dan dia boleh berkata, *Allaahu Ta'ala Yaquulu kadza* (Allah berfirman demikian). Tidak ada makruhnya sesuatu pun dalam hal ini. Ini adalah pendapat yang sahih dan yang terpilih yang didukung bersama oleh ulama Salaf dan Khalaf.

Kemudian Aisyah berkata dan Allah berfirman dalam Surah An-Naml:65 :

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ

Maksud: "Katakanlah! Tidak ada seorang pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah."

Pendapat ini lebih banyak ditemukan dalam pandangan ulama Salaf dan Khalaf.

83. ADAB-ADAB BERKHATAM AL-QURAN



Dalam bab ini ada beberapa Masalah:

1. Waktu pengkhataman

- ✓ Pembaca sendirian disunahkan dalam solat iaitu dua rakaat sunat Fajar (lebih utama) dan dalam dua rakaat sunat Maghrib
- ✓ Manakala yang mengkhatamkan di luar solat bersama-sama jamaah, maka disunahkan pengkhataman berlangsung di awal siang atau di awal malam sebagaimana dikemukakan. Awal siang lebih utama menurut sebagian ulama. Disunahkan pengkhataman Al-Quran sekali khatam di awal siang dalam suatu rumah dan mengkhatamkn lainnya di akhir siang di rumah lain.



83. ADAB-ADAB BERKHATAM AL-QURAN...sambungan



2. Diutamakan **berpuasa** pada hari pengkhataman, kecuali jika bertepatan dengan hari yang dilarang syarak puasa hari itu. Diriwayatkan oleh Ibnu Dawud dengan isnadnya yang sahih, bahwa Thalhah bin Mutharif dan Habib bin Abu Thabit, serta Al-Musayyib bin Raafi' para tabi'in Kuffah ra, dianjurkan berpuasa pada hari di mana mereka mengkhatamkan Al-Quran.
3. Diutamakan sekali **menghadiri majlis pengkhataman** Al-Quran. Diriwayatkan dalam sahihain: Terjemahan: *"Bahwa Rasulullah saw menyuruh perempuan-perempuan yang haid keluar pada hari raya untuk menyaksikan kebaikan dan doa kaum muslimin."*
4. **Berdoa** sesudah pengkhataman Al-Quran amat disunahkan berdasarkan apa yang kami sebutkan dalam masalah sebelumnya. Diriwayatkan oleh Ad-Daarimi dengan isnadnya dari Humaid Al-A'raj, katanya: *"Barangsiapa membaca Al-Quran, kemudian berdoa, maka doanya diamini oleh 4.000 malaikat. Hendaklah dia bersungguh-sungguh dalam berdoa dan mendoakan hal-hal yang penting serta memperbanyak untuk kebaikan kaum muslimin dan para pemimpin mereka."*
5. Apabila selesai dari pengkhataman Al-Quran, apabila selesai dari pengkhataman Al-Quran, disunahkan **memulai lagi membaca Al-Quran sesudahnya**.



BAB 7

ADAB BERINTERAKSI DENGAN AL-QURAN





07

ADAB BERINTERAKSI DENGAN AL-QURAN

**ADAB
HAMALAH
AL-QURAN**
آداب حمالة القرآن
TECHNO HUFFAZ PSA

PENGERTIAN

Dari Abu Ruqayyah Tamim Ad-Daary RA, bahawasanya Nabi SAW bersabda :

“Agama itu nasihat. Kami pun bertanya : Untuk siapa? Baginda menjawab : Nasihat itu untuk Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya, Imam-imam kaum muslimin dan seluruh muslimin.”

Maksud “Nasihat untuk Kitab-Nya” ialah beriman bahawa ia adalah kalam Allah dan wahyuNya, tidak ada sesuatu pun dari makhluk yang menyerupainya dan seluruh makhluk tidak ada yang mampu berbuat seperti itu.

Adab berinteraksi dengan al-Quran ertinya **bagaimana kita berkomunikasi dan berhubung dengan al-Quran mengikut garis panduan yang ditentukan oleh syarak.**

Pembaca al-Quran mesti meletakkan martabat al-Quran di tempat yang mulia dengan mengagungkan kedudukannya serta membacanya dengan penuh perasaan tawadduk dan khusyuk.



Di antara adab berinteraksi dengan al-Quran menurut Imam Nawawi adalah seperti berikut:

ADAB BERINTERAKSI DENGAN AL-QURAN



1. Beriman kepada kitab

Mempercayai bahawa ia adalah kalam Allah dan tiada sesuatu yang mampu menandingi ayat-ayat al-Quran.

2. Beramal

Beramal dengan segala isi kandungannya.



3. Mentafsir al-Quran

Diharamkan mentafsirkan al-Quran tanpa ilmu

4. Menyokong Hukum

Tidak membantah isi kandungan hukum yang dinyatakan dalam al-Quran.



5. Mengkaji hikmah

Mengkaji hikmah penyusunan ayat-ayat al-Quran

6. Muraja'ah Al-Quran

Makruh jikal lupa hafazan ayat-ayat al-Quran.



85. HARAM TAFSR AL-QURAN TANPA ILMU



Diharamkan menafsirkan Al-Quran tanpa ilmu dan berbicara tentang makna-maknanya bagi siapa yang bukan ahlinya. Banyak hadis berkenaan dengan perkara tersebut dan ijmak berlaku atasnya.

86. HARAM BERBANTAH-BANTAH DAN BERDEBAT DALAM AL-QURAN



Diharamkan berbantah-bantahan dalam Al-Quran dan berdebat tentang Al-Quran tanpa alasan yang benar. Misalnya dia melihat petunjuk ayat itu atas sesuatu yang berlawanan dengan madzhabnya dan mengandung kemungkinan yang lemah sesuai dengan madzhabnya, kemudian dia mengartikan menurut madzhabnya dan mempertahankannya, meskipun ternyata berlawanan dengan apa yang dikatakannya. Manakala orang yang tidak mengetahuinya, maka dia dapat dimaafkan.

87. KETAHUI HIKMAH SESUATU AYAT SEBELUM BERTANYA



Sesiapa yang ingin bertanya tentang keutamaan ayat sebelum ayat lainnya di dalam Mushaf atau kesesuaian ayat ini pada tempatnya, hendaklah dia berkata: Apakah hikmah ayat ini diturunkan?

88. MAKRUH MENGATAKAN AKU LUPA AYAT INI



Makruh seseorang yang mengatakan, aku lupa ayat ini. Bagaimanapun dia sepatutnya mengatakan begini, "Aku dilupakan terhadapnya atau aku menggugurkannya."

Mengikut riwayat yang terdapat di dalam Shahihain dari Abdullah bin Mas'ud ra, katanya: Rasulullah S.A.W. bersabda:

لَا يَقُولُ أَحَدُكُمْ نَسِيتُ آيَةَ كَذَا وَكَذَا، بَلْ هُوَ شَيْءٌ نَسِي

Maksud: "Janganlah seseorang dari kamu berkata: 'Aku lupa ayat begini dan begini.' Tetapi ia adalah sesuatu yang dilupakan."



89. DIBOLEHKAN MENYEBUT NAMA SURAH & BACAAN QIRAAT



Dibolehkan menyebut nama surah Al-Baqarah, surah Ali Imran, surah An-Nisa', surah Al-Maidah dan surah Al-An'aam. Demikian jugalah surah-surah lainnya.

Tidaklah dihukumkan makruh jika dikatakan, ini bacaan qiraat Abu Amrin atau Naafi' atau Hamzah atau Al-Kisa'i atau lainnya. Ini adalah pendapat terpilih yang didukung bersama oleh ulama Salaf dan Khalaf tanpa diingkari.

90. HUKUM ORANG KAFIR MENDENGAR AL-QURAN



Orang kafir tidak dilarang mendengar Al-Qur'an berdasarkan firman Allah dalam Surah At-Taubah: 6:

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ ابْلِغْهُ مَا آمَنَهُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

"Dan jika seorang di antara orang-orang musyrik itu meminta perlindungan kepadamu, maka lindungilah dia supaya dia sempat mendengar firman Allah."

Bagaimanapun, mereka (orang kafir) dilarang menyentuh Mushaf.

Bolehkah mengajarnya Al-Quran? Para sahabat kami berpendapat, jika tidak boleh diharapkan keislamannya, maka ada dua pendapat. Pendapat yang lebih kuat (sahih) adalah boleh kerana mengharapkan keislamannya.

91. PENULISAN AL-QURAN DI BEJANA



Para ulama berlainan pendapat berkenaan dengan penulisan Al-Quran dalam bejana, kemudian dicuci dan diberi minum kepada orang sakit. Al-Hasan, Mujahid, Abu Qulabah dan Al-Auza'i berkata: "Tidak ada masalah dengannya." Sedangkan An-Nakha'i tidak menyukainya. Al-Qadhi Husain, Al-Baghawi dan para sahabat kami lainnya berkata: "Sekiranya Al-Quran ditulis di atas halwa (sejenis makanan) dan makanan lainnya, tidaklah mengapa memakannya."

Al-Qadhi berkata: "Sekiranya ditulis di atas sepotong kayu, tidaklah disukai membakarnya."



92. PENULISAN AL-QURAN DI BEJANA



Mazhab kami ialah tidak menyukai penulisan Al-Quran dan nama-nama Allah S.W.T. di atas dinding dan baju. Atha' berkata: "Tidaklah mengapa jika menulis Al-Quran dalam bentuk azimat, maka Malik berpendapat, tidak ada masalah dengannya kalau ditulis pada sepotong buluk atau kulit kemudian dibalut.

Sebagian sahabat kami berpendapat, apabila ayat-ayat Al-Quran ditulis dalam suatu wadah bersama lainnya, maka tidaklah haram, tetapi lebih baik ditinggalkan karena dibawa dalam keadaan berhadass.

Jika ditulis, maka ia mesti dijaga sebagaimana dikatakan oleh Imam Malik rahimahullah. Pendapat inilah yang difatwakan oleh Asy-Syeikh Abu Amrin Ibnu Ash-Shalah rahimahullah.

93. MENIUP AL-QURAN SEBAGAI RUKYAH



Tentang meniup dengan membaca Al-Quran sebagai ruqyah. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Dawud dari Abu Juhaifah seorang sahabat Nabi saw dan namanya Wahb bin Abdullah atau lainnya, dari Hasan Al-Bashri dan Ibrahim An-Nakha'i bahwa mereka tidak menyukai itu. Pendapat yang terpilih adalah tidak makruh, bahkan sunah muakkad.

Diriwayatkan daripada Aisyah ra:

كان إذا أوى إلى فراشه كل ليلة جمع كفيه ثم نفث فيهما،
فقرأ فيهما (قل هو الله أحد) و(قل أعوذ برب الفلق)
و(قل أعوذ برب الناس) ثم مسح بهما ما استطاع من جسده،
يبدأ بهما على رأسه ووجهه وما أقبل من جسده،
يفعل ذلك ثلاث مرات

Maksud: "Bahwa Nabi saw apabila hendak tidur setiap malam, beliau merapatkan kedua telapak tangannya, kemudian meniup pada keduanya, kemudian membaca 'Qul Huwallahu Ahad, Qul A'uudzu bi rabbil falaq dan Qul A'udzu bi rabbil Naas'. Kemudian dia sapukan keduanya pada tubuhnya sedapat mungkin dimulai dari atas kepala dan mukanya serta bagian tubuhnya yang dapat dicapai. Beliau lakukan yang demikian tiga kali."

(Riwayat Bukhari & Muslim)



BAB 8

AYAT DAN SURAH YANG DIGALAKKAN MEMBACANYA PADA WAKTU TERTEUTU





08

AYAT DAN SURAH YANG DIGALAKKAN MEMBACANYA PADA WAKTU TERTENTU

**ADAB
HAMALAH
AL-QURAN**
ادب حمالة القرآن
TEGNO HUFFAZ PSA



94. BACAAN SUNNAH SOLAT SUBUH HARI JUMAAT



Sunah membaca dalam solat Subuh pada hari Jumaat sesudah Al-Fatihah pada rakaat pertama surat As-Sajadah selengkapnya. Dan pada rakaat kedua membaca surat Al-Ihsan selengkapnya.

95. BACAAN SOLAT SUNAT FAJAR & SOLAT WITIR



Dibaca dalam dua rakaat solat sunah Fajar sesudah Al-Fatihah yang pertama Al-Kafirun dan pada rakaat kedua al-Ahad. Dan keduanya juga dibaca dalam dua rakaat Thawaf dan dua rakaat Istikharah.

Dan dalam solat witir tiga rakaat, rakaat pertama membaca Al-a'laa dan rakaat kedua al-Kaafiruun serta rakaat ketiga Al-ahad dan Al-Mu'awwidzatain.

96. BACAAN AL-KAHFI PADA HARI JUMAAT



Sunah membaca surat Al-Kahfi pada hari Jumaat. Dalil ini ialah riwayat Abu Muhammad Ad-Daarimi dengan isnadnya dari Abu Said Al-Khudri ra, dia berkata: "Barangsiapa membaca surat Al-Kahfi pada malam Jumaat. Dia diterangi cahaya antara rumahnya dan Al-Baitul Atiiq Kaabah)." *(The person who reads the Surah Al-Kahf on Friday night, the light of the Kaaba will be between his house and the Kaaba).*

97. MEMBACA AYAT KURSI



Disunahkan memperbanyak membaca Ayat Kursi di semua tempat dan membacanya setiap malam ketika hendak tidur dan membaca Al- Mu'awwidzatain setiap ba'dal solat.

98. BACAAN KETIKA HENDAK TIDUR



Disunahkan ketika akan tidur membaca ayat Kursi, al-Ahad, Al-Mu'awwidzatain dan akhir surat Al-Baqarah.

Diriwayatkan dari Ibrahim An-Nakha'I, katanya: *"Mereka menganjurkan agar membaca surat-surat ini setiap malam tiga kali, yaitu Qul Huwallaahu Ahad dan Al-Mu'awwidzatain."* Isnadnya sahih berdasarkan syarat Muslim.

99. BACAAN KETIKA BANGUN MALAM



Jika bangun setiap malam sunah membaca akhir Surah Ali-Imran dari firman Allah swt: *Inna fii khalqis samaawaati wal ardhi* sehingga akhir ayat. Mengikuti riwayat yang terdapat di dalam sahihain: Terjemahan: *"Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. membaca akhir Surat Ali Imran apabila bangun dari tidur."*

100. BACAAN UNTUK ORANG SAKIT



Tentang apa yang dibacakan untuk orang sakit. Sunah membaca Al- Fatihah di samping orang sakit berdasarkan sabda Nabi S.A.W. dalam hadits sahih berkenaan dengan perkara tersebut: *"Dari mana engkau tahu bahwa Al-Fatihah adalah ruqyah (sejenis ubat dan mantera)?"*

Sunah membaca Al-Ahad, al-Falaq dan An-Nas untuk orang sakit dengan meniup pada kedua telapak tangan. Hal tersebut diriwayatkan dalam sahihain dari perbuatan Rasulullah saw yang telah dijelaskan dalam bab meniup di akhir bagian yang sebelum ini.

101. BACAAN KETIKA ZIARAH JENAZAH



Tentang apa yang dibacakan di dekat jenazah. Para ulama sahabat kami dan yang berkata, sunah membaca surat yasiin di dekatnya berdasarkan hadits Ma'qil bin Yasar ra bahwa Nabi S.A.W. bersabda:

"Bacakanlah surat Yasiin untuk mayatmu."

(Riwayat Abu dawud dan Nasa'I, dalam Amalul Yaum wal Lailah dan Ibnu Majah dengan isnad dha'if)



BAB 9

RIWAYAT PENULISAN MUSHAF AL-QURAN





PENGENALAN

Penulisan Al-Quran Resam Uthmani seperti yang terdapat pada masa ini melalui beberapa tahap seperti berikut:

LIMA TAHAP
PENULISAN
RESAM UTHMANI

1

BELUM DILETAKKAN SEBARANG TANDA

DITANDAKAN TITIK (*NUKTATUL I'RAB*) YANG
DIPELOPORI OLEH ABU AL-ASWAD AL-DUALI
MENINGGAL DUNIA PADA TAHUN 69 HIJRAH PADA)
(ZAMAN KHALIFAH MUAWIYAH BIN ABI SUFIAN

2

3

MULA DITANDAKAN DENGAN TITIK
(*NUKTATUL I'JAM*) YANG DIPELOPORI OLEH
YAHYA BIN YA'MAR DAN NASIR BIN ASIM AL-
LISI DENGAN PERINTAH GABENOR IRAQ IAITU
AL-HAJJAJ BIN YUSUF AL-THAQAFI


MULA DILETAKKAN DENGAN TANDA-TANDA BARIS
(HARAKAH) YANG DIPELOPORI OLEH AL-KHALIL BIN
AHMAD AL-FARAHIDI PADA ZAMAN PEMERINTAHAN
ABBASIYAH IAITU KHALIFAH ABDUL MALIK BIN
MARWAN.

4

5

DITAMBAH DENGAN TANDA-TANDA WAKAF DAN
LAIN-LAIN LAGI YANG DIPELOPORI OLEH
MUHAMMAD IBN TAYFOUR AL-SAJAWANDI.

TULISAN AL-QURAN DENGAN MENGGUNAKAN KHAT NASKH MULA
DICETAK BUAT PERTAMA KALINYA DI HAMBURG, JERMAN PADA TAHUN
1694 MASIHI (1113 HIJRAH) DAN SETERUSNYA DICETAK DI NEGARA-
NEGARA ISLAM YANG LAIN SEHINGGA KE HARI INI.



1. AL-QURAN ZAMAN RASULULLAH

Sebenarnya Kitab Al-Quran sudah mulai ditulis pada masa Nabi s.a.w., namun ia belum dihimpun dalam bentuk sebuah Mushaf, kecuali dihafaz dalam hati dikalangan para sahabat.

FAKTA MENARIK



Al-Quran dipelajari secara hafazan melalui kaedah talaqqi (berguru) kerana Masyarakat Arab pada masa tersebut kebanyakannya buta huruf. Nabi S.A.W. tidak menjadikannya dalam satu Mushaf kerana baginda bimbang terjadinya pertambahan dan penghapusan ketika penulisan.


Antara yang boleh menulis sebelum kebangkitan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai rasul ialah:

1. Abu Bakar al-Siddiq
2. Umar bin al-Khatib
3. Uthman bin Affan
4. Ali bin Abi Talib
5. Talhah bin Ubaidullah
6. Abu Suffian bin Harb
7. Muawiyah bin Abi Sufian
8. Abban bin Said
9. Al-A'la bin al-Hadrami.

Semuanya dari kalangan penduduk Mekah al-Mukarramah.

Manakala dari kalangan penduduk Madinah pula ialah:

1. Amru bin Said
2. Abi bin Ka'ab
3. Zaid bin Thabit
4. al-Munzir bin Amru.



Setelah Rasulullah berhijrah ke Madinah, Baginda menggalakkan umat Islam belajar menulis. Sebagai contoh tawanan perang Badar yang berilmu dikehendaki mengajar 10 orang kanak-kanak Islam menulis sebagai jaminan pembebasan mereka. Akhirnya baginda dapat mengumpulkan lebih 40 orang Islam yang mampu untuk menulis wahyu.

Dalam kalangan sahabat, terdapat enam penulis al-Quran iaitu:

1. Abdullah ibnu Saad
2. Uthman ibnu Affan
3. Ali ibnu Abi Talib
4. Ubai ibnu Kaab
5. Zaid ibnu Thabit
6. Muawiyah ibnu Abi Sufyan

Sebenarnya Rasulullah S.A.W. mempunyai 44 penulis tetapi enam tokoh itu menjadi penulis tetap wahyu, manakala sahabat yang lain ada ditugaskan menulis surat rasmi.

Ketika itu penulisan dibuat pada:

1. kulit atau ar-rig'a'
2. tulang unta dan kambing yang sudah disamak (al-aktaf)
3. pelepah tamar (al-usyuk)
4. ketulan batu (al-likhaf)
5. potongan kayu (al-aktab).

Catatan tersebut disalin semula oleh sebahagian sahabat walaupun kebanyakan mereka lebih mengutamakan hafazan.

Menurut Pensyarah Jabatan Bahasa Asing Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Abd Rauf Hassan, ketika itu al-Quran tidak dikumpulkan sebaliknya tulisan ayat suci itu berada dalam simpanan Baginda, isteri serta sahabat.



2. AL-QURAN ZAMAN KHALIFAH AR-RASYIDIN

• Zaman Abu Bakar

Al-Quran mula dikumpulkan dalam bentuk lembaran suhuf pada zaman Saidina Abu Bakar. Pada zaman pemerintahan Abu Bakar, umat Islam berdepan dengan isu murtad dan keengganan sesetengah kelompok umat Islam mengeluarkan zakat. Peperangan al Yamamah pada tahun 11 hijrah menyebabkan kematian 500 penghafaz al-Quran (dan pendapat paling banyak mengatakan 700 huffaz yang juga panglima perang meninggal dunia), menyebabkan timbul kebimbangan Umar RA akan terhapus al-Quran dengan sebab ramai al-Qurra' yang gugur syahid.

Umar RA mencadangkan kepada Abu Bakar agar al-Quran ditulis dan disimpan. Proses penyalinan al-Quran bermula pada tahun 12 hijrah (mengambil tarikh peperangan al-Yamamah) dan memakan masa dalam 15 bulan. Pada tahun 13 Hijrah, Abu Bakar wafat diganti oleh Umar sebagai khalifah kedua. Lembaran suhuf tersebut telah disimpan di rumah Hafshah, Ummul Mukminin.

• Zaman Uthman Al-Affan

Ketika Islam sudah tersebar pada masa pemerintahan Uthman ra dia takut terjadi perselisihan yang menyebabkan tertinggal sesuatu ayat dari Al-Quran atau terjadi penambahan di dalamnya. Kemudian Uthman menulis/menyalin kumpulan Al-Quran yang ada pada Hafshah dan disetujui oleh para sahabat dalam Mushaf-Mushaf dan mengirimkannya ke berbagai negeri serta menyuruh melenyapkan tulisan yang bertentangan dengan itu. Tindakan ini disetujui oleh Ali bin Abu Thalib dan para sahabat lainnya.

Para ulama berlainan pendapat berkenaan dengan jumlah Mushaf yang dikirimkan Usman. Imam Abu Amrin Ad-Daani berkata, sebagian besar ulama mengatakan bahwa Usman menulis empat naskhah. Dia kirimkan sebuah maskhah ke Bashrah, sebuah ke Kufah dan sebuah ke Syam, sedangkan yang sebuah lagi disimpannya.

Abu Hatim As-Sijistani berkata: Usman menulis tujuh Mushaf. Dia kirimkan sebuah Mushaf ke Mekah, sebuah Mushaf ke Syam, sebuah Mushaf ke Yaman, Sebuah Mushaf ke Bahrain, sebuah Mushaf ke Bashrah, sebuah Mushaf ke Kufah dan sebuah Mushaf disimpannya di Madinah. Inilah ringkasan yang berkaitan dengan awal pengumpulan Mushaf.



2. AL-QURAN ZAMAN KHALIFAH AR-RASYIDIN..sambungan

Umat Islam di wilayah-wilayah tersebut telah mempelajari dan membaca al-Quran menurut kaedah-kaedah bacaan Rasulullah S.A.W. melalui riwayat bacaan para sahabat yang mahsyur antaranya:

- i. Penduduk Mekah dan Madinah mengambil kaedah bacaan dari Ubai Bin Ka'ab, Zaid bin Thabit dan Saiyidina Umar bin al-Khattab r.a.
- ii. Penduduk Syam mengambil kaedah bacaan daripada Saiyidina Uthman bin Affan dan Abu Daud r.a.
- iii. Penduduk Basrah mengambil kaedah bacaan dari Saiyidina Umar bin al-Khattab, Ubai bin Ka'ab, Zaid bin Thabit, Saiyidina Uthman bin Affan, Saiyidina Ali bin Abi Talib dan Abu Musa al-Asha'ari r.a.
- iv. Penduduk Kufah mengambil kaedah bacaan daripada Abdullah bin Mas'ud, Saiyidina Ali bin Abi Talib, Saiyidina Uthman bin Affan, Ubai bin Ka'ab dan Zaid bin Thabit r.a.

Resam Uthmani mengambil sempena nama Saiyidina Uthman atas jasa beliau mengikut sunah Rasulullah, cuma yang membezakan ia tidak bertitik dan berbaris. Mudah untuk memahami maknanya yang berlainan tetapi tidak terkeluar daripada maksud sebenar. Resam Uthmani juga memudahkan bacaan dalam qiraat pelbagai, iaitu 10 jenis qiraat dan dipersetujui 12,000 sahabat yang memperakui itulah al-Quran yang mereka baca dengan Rasulullah SAW.

Selepas itu, Saiyidina Uthman bin Affan r.a. memerintahkan supaya semua lembaran yang ditulis sebelum ini dikumpulkan untuk dibakar atau dilupuskan. Walau bagaimanapun, perbezaan bacaan (wajah al-Qiaraat) yang ada hingga sekarang ini tidaklah berlawanan dengan apa yang terdapat di dalam mazhab yang ditulis pada Zaman Khalifah Uthman bin Affan r.a. kerana bacaan itu telah diterima dari baginda Rasulullah SAW secara mutawatir.

Terdapat beberapa cara bacaan yang diamalkan pada masa kini, iaitu:

- i. Bacaan mengikut riwayat Hafs dari al-Imam Asim adalah paling banyak diamalkan di Negara-negara Islam.
- ii. Bacaan mengikut riwayat Warsy dari al-Imam Nafi' adalah banyak diamalkan di Negara Asia tengah.
- iii. Bacaan mengikut riwayat Qalun dari al-Imam Nafi' adalah banyak diamalkan di Negara Asia tengah.
- iv. Bacaan mengikut riwayat al-Duri dari al-Imam Abu Amru al-Basr adalah banyak diamalkan di Sudan.



102. MENULIS AL-QURAN DENGAN SESUATU YANG NAJIS



Tidak boleh menulis Al-Quran dengan sesuatu yang najis dan dihukumkan makruh menulisnya di atas dinding menurut madzhab kami. Ini adalah madzhab Atha' yang kami kemukakan. Telah kami kemukakan bahawa apabila ditulis di atas sepotong kayu, maka makruh membakarnya.

103. MENJAGA MUSHAF DAN MEMULIAKANNYA



Kaum Muslimin sependapat atas wajibnya menjaga Mushaf dan memuliakannya. Para sahabat kami dan lainnya berkata, andaikata seorang Muslim mencampakkannya dalam kotoran-mudah-mudahan Allah swt melindunginya-maka pembalingnya menjadi kafir.

Mereka berkata, haram menjadikannya sebagai bantal. Bahkan menjadikan kitab ilmu sebagai bantal adalah haram.

Sunah berdiri menyambut Mushaf apabila diserahkan kepadanya kerana berdiri untuk menyambut orang-orang terkemuka seperti para ulama dan orang-orang sholeh adalah mustahab. Maka sudah tentulah Mushaf lebih utama.

Diharamkan pergi membawa Mushaf ke negeri musuh jika ditakutkan Mushaf akan jatuh ke tangan mereka berdasarkan hadits manyhur dalam sahihain:

"Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. melarang pergi membawa Al-Quran ke negeri musuh."

Diharamkan menjual Mushaf kepada orang Dzimmi.

Orang gila dan anak kecil yang belum mumayyiz dilarang menyentuh Mushaf supaya tidak melanggar kehormatannya. Larangan ini wajib dilakukan oleh walinya dan orang yang melihatnya.



104. MENJAGA MUSHAF DAN MEMULIAKANNYA



Diharamkan atas seorang berhadass menyentuh Mushaf membawanya, sama saja membawanya dengan cara memegangnya atau dengan lainnya, sama saja dia menyentuh tulisannya, tepinya atau kulitnya. Diharamkan menyentuh wadah dan sampul serta kotak tempat Mushaf itu berada. Inilah madzhab yang terpilih. Ada orang yang berpendapat, ketiga cara ini tidak haram dan pendapat ini lemah.

Sekiranya Al-Quran ditulis pada sebuah papan, maka hukumnya sama dengan Mushaf itu sendiri, sama saja tulisannya sedikit atau banyak. Bahkan seandainya hanya sebahagian ayat yang ditulis untuk belajar, haram menyentuh papan itu.

Jika orang yang berhadass atau junub atau perempuan haid membuka lembaran-lembaran Mushaf dengan sepotong kayu atau seumpunya, maka ada dua pendapat dari para sahabat kami tentang keharusannya. Pendapat yang lebih jelas adalah dibolehkan. Pendapat ini didukung bersama oleh para ulama Iraq sahabat kami kerana dia tidak menyentuh dan tidak membawanya.

Pendapat kedua adalah haram kerana dia dianggap membawa kertas dan kertas itu seperti seluruhnya. Jika dia mnggulung lengan bajunya di atas tangannya dan membalik kertas itu, maka hukumnya haram tanpa ada perselisihan. Salah seorang sahabat kami menceritakan adanya dua pendapat berkenaan dengan perkara tersebut. Pendapat yang benar adalah memastikan haramnya, sebab pembalikan kertas itu dilakukan oleh tangan, bukan lengan bajunya.

105. MENULIS MUSHAF BAGI ORANG BERJUNUB ATAU BERHADASS



Jika orang yang berjunub berhadass menulis Mushaf, sedangkan dia membawa kertasnya atau menyentuhnya ketika menulis, maka hukumnya haram.

Jika dia tidak membawanya dan tidak menyentuhnya, maka ada tiga pendapat berkenaan dengannya. Pendapat yang lebih sahih adalah dibolehkan, pendapat kedua mengharamkannya. Pendapat ketiga, diharuskan bagi yang berhadass kecil dan haram bagi orang yang berjunub.



106. HUKUM HAID ATAU JUNUB MENYENTUH KITAB BERISI AL-QURAN



Jika orang yang berhadass atau junub atau perempuan haid menyentuh atau membawa sebuah kitab fiqh atau kitab ilmu lain yang berisi ayat-ayat Al-Quran atau bersulam ayat Al-Quran atau yang uang dirham atau uang dinar berukiran ayat Al-Quran atau membawa barang-barang yang di antaranya terdapat Mushaf atau menyentuh dinding atau makanan kuil atau roti yang berukiran Al-Qur'an, maka madzhab yang sahih adalah dibolehkan melakukan semua ini kerana ia bukan Mushaf.

Manakala Kitab tafsir Al-Qur'an, apabila Al-Quran yang terdapat di dalamnya lebih banyak dari lainnya, haram menyentuh dan membawanya. Kalau lainnya lebih banyak sebagaimana pada umumnya, maka ada tiga pendapat. Pendapat yang lebih sahih tidak haram. Pendapat kedua, haram. Pendapat ketiga, kalau Al-Quran di tulis dengan huruf yang kelas kerana tebal atau dengan huruf merah atau lainnya, maka haram. Jika tulisannya tidak jelas, maka tidak haram.

Sementara menulis hadits Rasulullah saw jika tidak terdapat ayat-ayat Al-Quran di dalamnya, tidaklah haram menyentuhnya. Pendapat yang lebih utama adalah tidak disentuh, kecuali dalam keadaan suci.

Kalau terdapat ayat-ayat dari Al-Qur'an, tidaklah haram menurut madzhab kami, tetapi makruh. Dalam hal ini ada satu pendapat bahwa hal itu haram, yaitu yang terdapat dalam kitab-kitab Fiqh.

Sedangkan ayat yang dinasakh tilawahnya seperti rejam dan selain itu, maka tidak haram menyentuh ataupun membawanya. Para sahabat kami berkata, demikian jugalah Taurat dan Injil.

107. HARAM MENYENTUH MUSHAF



Jika pada suatu tempat dari badan yang bersuci terdapat najis yang tidak dimaafkan, haram atasnya menyentuh Mushaf dengan tempat yang bernajis itu tanpa ada perselisihan dan tidak haram dengan lainnya menurut madzhab yang sahih dan yang masyhur yang dikatakan oleh sebagian besar sahabat kami dan para ulama lainnya. Abdul Qasim Ash-Shaimari salah seorang sahabat kami berkata, haram. Al-Qadhi Abui Thayyib berkata, pendapat ini tertolak menurut ijmak. Kemudian menurut pendapat yang masyhur, sebagian sahabat kami mengatakan makruh. Pendapat yang terpilih adalah tidak makruh.



108. MENYENTUH MUSHAF DENGAN BERTAYAMUM



Barangsiapa tidak menemukan air, kemudian bertayamum sebagaimana dia dibenarkan melakukan tayamum, maka dia boleh menyentuh Mushaf, sama saja tayamum itu untuk solat atau untuk keperluan lain yang mengharuskan tayamum. Sementara siapa yang tidak menemukan air ataupun tanah, maka dia boleh solat saja dan tidak boleh menyentuh Mushaf kerana dia berhadass. Kami bolehkan baginya solat kerana darurat.

Sekiranya ada bersamanya Mushaf dan tidak menemukan orang yang boleh diamanahkannya sedang dia tidak dapat berwuduk, diharuskan baginya membawanya kerana darurat. Al-Qadhi Abu Thayyib berkata, tidak wajib baginya pertayamum.

Kalau dia membimbangkan Mushaf terbakar atau tenggelam atau jatuh dalam najis atau jatuh ke tangan orang kafir, maka dia boleh mengambilnya kerana darurat, meskipun dia berhadass.

109. ANAK KECIL MEMBAWA MUSHAF



Apakah wali dan guru wajib memaksa anak kecil yang sudah boleh membedakan (sudah mumayyiz) bersuci untuk membawa Mushaf. Terdapat dua pendapat yang masyhur berkenaan dengan perkara tersebut. Pendapat yang lebih kuat (sahih) adalah tidak wajib kerana memberatkan.

110. HUKUM JUALBELI MUSHAF



Boleh menjual Mushaf dan membelinya dan tidak makruh pembeliannya. Adapun tentang makruhnya atas penjualannya ada dua pendapat dari tiga sahabat kami. Pendapat yang lebih kuat (sahih) sebagaimana disebutkan oleh Asy-Syafi'i adalah makruh. Mereka yang berpendapat tidak makruh menjual dan menjual dan membelinya ialah Hasan Al-Bashri, Ikrimah dan Al-Hakam bin Uyainah.

Pendapat ini diriwayatkan dari Ibnu Abbas. Sebagian ulam tidak menyukai penjualan dan pembeliannya. Ibnu Mundzir menceritakannya dari Alqamah, Ibnu Sirin, An-Nakh'I, Syuraih, Masruq dan Abdullah bin Zaid.

Diriwayatkan dari Umar bin Abu Musa Al-Asy'ari adanya larangan keras menjualnya. Sebagian ulama mengharuskan pembeliannya dan tidak menyukai penjualannya. Ibnu Mundzir menceritakan dari Ibnu Abbas, Said bin Jubair, Ahmad bin Hanval dan Ishaq bin Rahawaih.





KUIZ PENGUKUHAN

1. Pada zaman Rasulullah S.A.W., Al-Quran mula ditulis menggunakan...

- | | |
|--|-----------------------------------|
| ☐ A Daun pokok zaitun | ☐ B Kertas |
| ☐ C Pelelepah tamar | ☐ D Kain |


2. Penulisan Al-Quran bermula sejak...

- | | |
|---|---|
| ☐ A Zaman Para Tabiin | ☐ B Zaman Khulafak Ar-Rasyidin |
| ☐ C Zaman Nabi Muhammad S.A.W. | ☐ D Zaman Nabi Adam |

3. Siapakah penulis Al-Quran yang dilantik Rasulullah S.A.W. dari kalangan Penduduk Madinah?

- | | |
|--|--|
| ☐ A Abu Bakar al-Siddiq R.A | ☐ B Muawiyah bin Abi Sufyan R.A |
| ☐ C Ali bin Abi Talib R.A | ☐ D Zaid bin Thabit R.A |

4. Pada zaman pemerintahan Saidina Umar bin Al-Khattab, adakah penulisan semula Al-Quran berlaku?



- | | |
|----------------------------------|-------------------------------|
| ☐ A Tidak | ☐ B Ya |
|----------------------------------|-------------------------------|

5. Penulisan Al-Quran Resam Uthmani telah melalui berapa tahap?



- | | |
|---------------------------------|----------------------------------|
| ☐ A Lima | ☐ B Empat |
| ☐ C Enam | ☐ D Tiga |

RUJUKAN

Imam Nawawi (1996). *Kitab At-Tibyan fi Adab Hamalat al-Quran*. Lubnan: Dar Ibnu Hazm

Imam Nawawi (2009). *Terjemahan At-Tibyaan fii Aadaabi Hamalatil Quran*. Indonesia: Konsis Media

Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia Teras Panduan Penghafaz Al-Quran. (2019). Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.

Sheikh Abdullah Basmeih (2018). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman*. Kuala Lumpur. Darul Fikir.

Berita Harian, *Hayati sejarah penulisan al-Quran*. Diperolehi pada 07 September 2022 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/06/432916/hayati-sejarah-penulisan-al-quran>

Portal Ayat al-Quran <https://quran.com>
Portal Terjemahan Ayat al-Quran <https://www.surah.my/>
Portal Kamus Dewan <https://prpm.dbp.gov.my/>



إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan Al-Quran, dan Kami lah yang memelihara dan menjaganya.

It is certainly We Who have revealed the Reminder, and it is certainly We Who will preserve it.

Surah al-Hijr : 9



UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Persiaran Usahawan, Seksyen U1,

40150 Shah Alam

Selangor

Telephone No. : +603 5163 4000

Fax No : +603 5569 1903

